

## **BAB II**

### **SEJARAH PENUBUHAN ORGANISASI AI-JAM'IYATUL WASHLIYAH**

#### **2.0. Pengenalan**

Pada bab ini, penulis menjelaskan tentang sejarah perkembangan Islam di Sumatera Timur, sejarah penubuhan organisasi al-Jam'iyatul Washliyah, makna al-Jam'iyatul Washliyah, tokoh-tokoh pendirinya.

Kemudian, penulis juga membahas tentang struktur organisasi al-Jam'iyatul Washliyah, peraturan perundang-undangnya (garis panduan) dalam berorganisasi, struktur (carta) organisasi al-Jam'iyatul Washliyah.

#### **2.1. Sejarah Perkembangan Islam Di Sumatera Timur**

Para ahli sejarah tidak sepandapat tentang sejarah awal masuknya Islam ke Sumatera, kerana banyaknya data yang berbeza-beza sehingga memberikan kesimpulan yang berbeza. Keputusan seminar mengenai kemasukan Islam di wilayah Indonesia, seminar tersebut diselenggarakan di Medan pada tahun 1963 M. Hasil dari seminar tersebut menyimpulkan bahawa:

1. Masuknya Islam ke kepulauan Indonesia abad pertama Hijriah iaitu sekitar abad ke 7 M dibawa oleh Muballigh dari Arab.
2. Daerah pertama dimasuki pesisir pantai barat Pulau Sumatera iaitu daerah Barus.
3. Kerajaan Islam yang pertama di Sumatera adalah kerajaan Pasai di Aceh.<sup>1</sup>

---

<sup>1</sup> Dada Meuraxa (1973), *Risalah Seminar Sejarah Masuknya Islam Ke Bandar Barus Sumatera Utara*, Medan: Sasterawan, h. 36.

Menurut pendapat Ahmad Nasution, Roeslan Abdul Ghani, masuknya Islam di Sumatera adalah pada abad pertama Hijriah iaitu abad ke VII/VIII M. Melalui para saudagar Arab yang datang ke Sumatera. Adapun daerah yang pertama didatangi oleh para pedagang Arab tersebut adalah daerah pesisir Pantai Sumatera.<sup>2</sup>

Sedangkan mengikut analisa para ahli sejarah tentang perkataan pesisir pantai Sumatera ini masih kurang jelas, kerana boleh jadi sebelah Barat boleh juga pesisir Pantai Timur, kalau pesisir Pantai Barat Sumatera adalah perkampungan Barus,<sup>3</sup> kalau pesisir Pantai Timur Sumatera adalah Aceh.<sup>4</sup> Perkataan pesisir Barat Sumatera merupakan tahab persinggahan, kemudian agama Islam mulai bertapak di pesisir Pantai Timur adalah Aceh.<sup>5</sup>

Pandangan yang mengatakan bahawa masuknya Islam ke wilayah Sumatera adalah di pelabuhan Barus, diperkuat dengan pendapat Dada Meuraxa yang menyatakan masuknya agama Islam di Indonesia pertama kali di daerah Barus dengan bukti bahawa pelabuhan Barus adalah termasuk pelabuhan terawal yang banyak disinggahi oleh pendatang asing dari Arab untuk membeli kapur barus di daerah tersebut.<sup>6</sup>

Adapun pendapat lain yang mengatakan masuknya agama Islam di Sumatera, adalah pada pertengahan abad ke 12 M, tepatnya di Aceh. Dengan bukti pada abad kedua

---

<sup>2</sup> Ahmad Nasution, Roeslan Abdul Ghani, *et al* (1963), *Risalah Seminar Sedjarah Masuknya Islam Ke Indonesia*, Medan: Panitia Sedjarah Masuknya Islam Ke Indonesia, h. 265.

<sup>3</sup> Barus (Sibolga) terletak di Pantai Barat Sumatera, kini Barus daerah Provinsi Sumatera Utara. Lihat: Edi. S. Ekadjati (1975), *Penyebaran Agama Islam Di Pulau Sumatera*. Bandung: PT Sanggaruwana, h. 10.

<sup>4</sup> Dada Meuraxa (1973), *op. cit.*, h. 5.

<sup>5</sup> Abdul Rahman Hj. Abdullah (2006), *Sejarah Dan Kebudayaan Asia Tenggara Tradisional*. Shah Alam: Karisma Publication, h. 73-78.

<sup>6</sup> Dada Meuraxa (1973), *op. cit.*, h. 8.

belas wujudnya kerajaan Islam di Aceh. Hal ini menunjukkan bahawa agama Islam telah masuk ke Aceh sebelum abad ke 12 M.<sup>7</sup>

Kerajaan Islam yang pertama di Sumatera adalah kerajaan Samudera Pasai, hal tersebut diperkuat dengan pandangan Hamka yang menyatakan bahawa Pasai, dengan seorang raja yang bernama Merah Silu sesudah masuk Islam beliau menukar namanya dengan Malik al-Saleh (1297 M).<sup>8</sup> Pendapat lain menyatakan bahawa masuknya Islam ke Kepulauan Melayu sejak abad pertama Hijrah iaitu sekitar abad ke 7 M.

Menurut Mahayuddin Haji Yahaya daerah yang pertama yang menerima Islam ialah daerah Sumatera Tumur dan kerajaan Islam yang pertama ialah Perlak<sup>9</sup> yang diasaskan oleh orang-orang Arab pada tahun 840 M.<sup>10</sup> Ada juga yang menyatakan bahawa agama Islam masuk wilayah Sumatera pada abad ke-7 M, dengan bukti sebelum Nabi Muhammad S.A.W. wafat iaitu pada abad ke-7 M tepatnya pada tahun 632M, berangkatlah satu ekspedisi dari bangsa Arab serta beberapa muballigh Islam yang ikut serta dalam rombongan, kemudian mereka berlayar menuju ke Canton (Cina) dan singgah di Pelabuhan Lamuri,<sup>11</sup> Sumatera Utara.<sup>12</sup>

---

<sup>7</sup> Mahmud Junus (1960), *Sedjarah Pendidikan Islam*, Djakarta: Pustaka Mahmudiah, h. 9.

<sup>8</sup> Hamka (2007), *Ayahku Riwayat Hidup Dr. H. Abdullah Karim Amrullah Dan Perjuangan Kaum Agama Di Sumatera*, cet. I, Kuala Lumpur: Pustaka Dini, h. 16. Lihat: Hamka (1967), *Ayahku Riwayat Hidup Dr. H. Abd Abd Karim Amrullah Dan Perjuangan Kaum Agama Di Sumatera*, Djakarta: Djajamurni, h. 16-17.

<sup>9</sup> Kerajaan Perlak adalah sebuah kerajaan Islam yang ditumbuhkan pada tahun 840 Masehi, ianya terletak di Sumatera Timur, Aceh nama rajanya yang pertama ialah: Sultan Sayyid Maulana Abd Aziz Shah (1028 M) Lihat: Abdul Rahman Hj. Abdullah (1990), *Pemelukan Umat Islam Di Nusantara*. Kuala Lumpur: DBP, h. 48. Lihat: Abdullah Ishak (1990), *Islam Di Nusantara Khususnya Di Tanah Melayu*, Malaysia: al-Rahmaniah, h. 32.

<sup>10</sup> Mahayuddin Haji Yahaya (1998), *Islam Di Alam Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, h. 13.

Ada juga yang berpendapat masuknya Islam di Sumatera pada abad ke-13 M, hal ini dikemukakan oleh Snouck Hurgronje, beliau menyatakan agama Islam masuk ke Sumatera pada abad ke-13 M, setelah hancurnya kerajaan Bani Abbas.<sup>13</sup> Yang mana pada masa itu direbut oleh raja Mongol yang dipimpin Hulagu pada tahun 1258 M. Oleh kerana itu, banyak umat Islam berhijrah menuju ke wilayah Asia, India, Cina dan Indonesia, bermula dari perpindahan umat Islam tersebut maka bermulalah penyebaran Islam ke wilayah Indonesia, di antaranya Pantai Sumatera dan seluruh Jawa.

Pernyataan Snouck Hurgronje ini diperkuat dengan bukti-bukti catatan Marko Polo (1292-1293 M) dan catatan Ibnu Battuta (1304 -1377 M). Penemuan tulisan Marko Polo mengenai Samudera Pasai dan Sultan Malik al-Shaleh (1297M), seorang raja yang beragama Islam.<sup>14</sup> menurut penyelidikan Prijohutomo. I. P. Simandjoentak merujuk kepada Moguette ( 1912) menyatakan bahawa batu nisan di Samudera Pasai tadi berasal dari Cambay yang terletak di Gudjarat ( India).<sup>15</sup> Penelitian Ibnu Batutta (1304 -1377 M), yang menjelaskan bahawa beliau telah singgah di Samudera Pasai dan bertemu dengan seorang raja yang bernama Malik al-Tahir (1297M), keterangan-keterangan ini menjadi sumber pembuktian tentang perkembangan Islam di Samudera Pasai berlangsung pada abad ke-13 dan ke-14 M.<sup>16</sup>

---

<sup>11</sup> Kota-kota pelabuhan pesisir di sepanjang pesisir Pulau Sumatera di ketahui sejak abad VII inilah Barus, Fansur, Lamuri, Perlak, Samudera, Pasai, Melayu dan Sriwijaya merupakan kota yang penting di Sumatera Utara pada abad VII M sampai abad XVI M. Lihat: Edi S. Ekadjati (1975), *op. cit.*, h. 8.

<sup>12</sup> M.Zainuddin (1961), *Tarich Atjeh Dan Nusantara*, cet. I, Medan: Pustaka Iskandar Muda, h. 250.

<sup>13</sup> Kerajaan Bani Abbas hancur pada zaman pemerintahan Al-Mustasim 640 H-1242 M. Lihat: Hamka (2006), *op. cit.*, h. 291.

<sup>14</sup> Snouck Hurgronje (1973), *Islam Di Hindia Belanda*. S. Gunawan (terj). Jakarta: Bharatara, h. 13.

<sup>15</sup> Prijohutomo. I. P. Simandjoentak (1954), *Asia Dan Dunia Sedjak 1500*. Djakarta: J. B. Wolters, h. 193.

<sup>16</sup> Abdul Rahman Al-Ahmadi (1981), *Penyediaan Bahan-Bahan Penting Mengenai Sejarah Perkembangan Islam Ke Asia Tenggara*. Pameran hasil Sumbangan Islam Negeri Sabah: (ttp), h. 10.

Berdasarkan huraian beberapa pendapat yang telah dipaparkan di atas, tidak mudah untuk menentukan dan memutuskan secara pasti masuknya Islam ke Pulau Sumatera Indonesia, yang penting dimulai abad ke-7 sampai abad ke-13 yang tidak terlepas peranan pedagang Arab, Parsi, India dan Gujarat. Dari usaha-usaha yang mereka lakukan ketika itu, penyebaran dakwah Islam mampu menguasai seluruh wilayah Indonesia, sehingga Indonesia menjadi negara yang terbesar di dunia penduduknya beragama Islam.

## **2.2. Kondisi Sosial, Politik Dan Agama Di Sumatera Timur.**

Pada masa penjajahan Belanda di Indonesia, hak-hak dan kebebasan masyarakat sangat terhad. Belanda menggunakan politik pecah belah agar Indonesia mudah dan terus dijajah. Dalam bidang pendidikan, penjajah Belanda menubuhkan lembaga-lembaga pendidikan yang beraliran tidak nasionalis sehingga sedikit banyaknya mempengaruhi anak-anak bangsa dari sudut nasionalisme (rasa kebangsaan). Adapun lembaga pendidikan yang di asaskan oleh Belanda pada tahun 1850 iaitu;

1. Sekolah kelas 1 iaitu: program pendidikan selama 5 tahun. Sekolah ini khas untuk anak-anak pamong praja (anak-anak kakitangan kerajaan Belanda).
2. Sekolah kelas 2 iaitu: program pendidikan selama 4 tahun.

Tujuan penubuhan lembaga pendidikan di atas untuk mendidik pegawai Belanda sahaja (kaki tangan yang berkerja di pemerintah Belanda). <sup>17</sup> Pada abad ke 20 M lembaga pendidikan Belanda mengalami perubahan iaitu: kesempatan memperoleh pendidikan bagi anak-anak Indonesia terus berkembang dengan menambah lembaga pendidikan di wilayah Indonesia di antaranya:

1. Sekolah kelas 1 atau HIS ( Hollandsch Inlandsche School ). Lembaga pendidikan rendah umum ini ditubuhkan pada tahun 1914. Lama belajarnya selama selama 7 tahun dan bahasa pengantarnya adalah bahasa Belanda. Sekolah ini khas untuk orang-orang tertentu sahaja seperti anak-anak raja dan daripada kumpulan orang-orang yang kaya.
2. MULO (Meerkit Gebreid Lager Onderwijs). Lembaga pendidikan menengah ini merupakan sambungan dari HIS.
3. AMS ( Algemeene Middel Bare School). Lembaga pendidikan menengah tinggi ini merupakan lanjutan dari MULO.<sup>18</sup>

Terlihat bahawa lembaga-lembaga pendidikan di atas adalah lembaga pendidikan Belanda yang sangat terhad sehingga tidak mungkin seluruh rakyat Indonesia dapat berajar di sekolah-sekolah Belanda. Anak-anak pribumi Indonesia selalu mendapat pendidikan kurikulum Barat. Hal ini melumpukan semangat nasionalisme kepada pelajar sehingga mereka lebih menyukai penjajah daripada bangsanya sendiri.

Dengan berakhirnya Perang Dunia pertama pada tahun 1918 M, membawa kepada perubahan dunia, khususnya Indonesia yang dijajah oleh kolonial Belanda selama lebih kurang tiga abad setengah. Oleh sebab itu, kesedaran Bangsa Indonesia yang majoriti Muslim untuk melepaskan diri dari belenggu penjajahan dan merebut kemerdekaan sangat tinggi. Apabila melihat sejarah di mana Indonesia dikuasai penjajah pada masa itu, maka mendorong para tokoh menu buhkan organisasi al-Jam'iyyatul Washliyah. Dalam masa yang sama lahirlah beberapa organisasi-organisasi Nasional dan Islam seperti:

---

<sup>17</sup> Usman Said (1966), *Sumbangan Pendidikan Islam Terhadap Pembentukan Kepribadian Indonesia*, Djakarta: Agus Salim, h. 63.

**Jadual 2.1. Daftar Organisasi Nasional Dan Islam**

No	Nama	Tahun
1	Budi Utomo	Tahun 1908
2	Serikat Islam	Tahun 1911
3	Muhammadiyah	Tahun 1912
4	National Indiche Party	Tahun 1912
5	Yong Islam Mitten Bon	Tahun 1926
6	Nahdatul Ulama (NU)	Tahun 1926
7	Partai Nasional Indonesia	Tahun 1927
8	Pemuda Muslimin Indonesia	Tahun 1927
9	Al-Jam'iyyatul Washliyah	Tahun 1930

Sama ada organisasi-organisasasi Nasional ataupun Islam, kesemuanya sangat membantu perjuangan Indonesia dengan mewujudkan persatuan dan kesatuan masyarakat Indonesia untuk turut berperanan serta secara aktif dalam pembangunan Nasional.<sup>19</sup> Sebelum memasuki pada pokok kajian, penulis terlebih dahulu akan menjelaskan mengenai faktor-faktor yang mendorong berdirinya al-Jam'iyyatul Washliyah. Terdapat tiga faktor yang mendorong berdirinya al-Jam'iyyatul Washliyah iaitu kondisi sosial, politik dan agama. Dalam hal ini penulis memfokus kondisi agama dan politik di antara aliran tradisional dan moden.

---

<sup>18</sup> *Ibid*, h. 64.

<sup>19</sup> *Al-Djamijatul Washliyah 1/4 abad* (1955), Medan: Pengurus Besar Al-Djamijatul Washliyah , h. 34, dan lihat

## a. Kondisi Sosial

Pembukaan lahan perkebunan yang besar oleh pemerintah Belanda di Sumatera Timur<sup>20</sup> memerlukan tenaga kerja yang besar. Belanda mendatangkan pekerja-pekerja dari etnis Cina dan Jawa bahkan mendatangkan tenaga kerja dari penduduk Sumatera Timur khususnya daerah-daerah yang berdekatan dengan kesultanan Deli seperti: Minangkabau, Mandailing, Karo dan Aceh.<sup>21</sup> Pada tahun 1930 penduduk Sumatera Timur terdiri dari berbagai macam etnis di antaranya Eropa, Cina, Jawa, Melayu, Batak, Mandailing, Simalungun, Sunda, Banjar.<sup>22</sup> Sumatera Timur pada saat itu kebanyakan beragama Islam terdiri dari suku Melayu, Mandailing dan Aceh. Sedangkan Suku Karo dan Batak kebanyakan mereka beragama Kristian.<sup>23</sup>

Dari penjelasan di atas, kedatangan pendatang berbilang bangsa dan suku di Sumatera Timur pada masa penjajahan Belanda, hal ini boleh mempengaruhi kehidupan sosial ketika itu, baik dari segi adat, budaya dan agama.

---

Rosyidin (1986), *Pokok-Pokok Ke Al-Wasliyahan*, cet. II, Medan: Institut Keguruan Dan Ilmu Pendidikan Al-Washliyah, h. 1.

<sup>20</sup> Belanda masuk ke wilayah Indonesia pada abad 17 dan 18, pada tahun 1878 M Belanda menjalankan misi Kristian di Sumatera Timur. Lihat: Saiful Akhyar Lubis, (ed) (2008), *Peran Moderasi Al-Washliyah*, cet. I, Medan: Univa Press, h. 75-78.

<sup>21</sup> *Ibid.*, h. 4.

<sup>22</sup> Chalidjah Hasanuddin (1988), *Al-Jam'iyatul Wasliyah Api Dalam Sekam*, cet. 1, Bandung: Pustaka, h. 13.

<sup>23</sup> Ariffin Omar (1999), *Revolusi Indonesia Dan Bangsa Melayu*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia (USM), h. 36-37.

## **b. Kondisi Agama**

Penubuhan organisasi al-Jam'iyatul Washliyah memiliki sejarah yang berhubung kait antara satu yang lain di Sumatera Timur baik dari segi sosial, politik dan agama. Organisasi Islam al- Jam'iyatul Washliyah yang merupakan gagasan pelajar- pelajar MIT yang datang dari Mandailing. Sedangkan Muhammadiyah, yang diasaskan oleh pendatang Minangkabau banyak melaksanakan aktiviti pendidikan Islam di Sumatera Timur.

Pada abad ke 18 M, pendatang Mandailing (Tapanuli Selatan, Sumatera Timur) telah bertempat tinggal di Medan. Orang-orang tersebut memiliki ilmu pengetahuan agama yang lebih baik berbanding dengan orang-orang Melayu di Medan. Kaum pendatang tersebut mengadakan pendekatan dengan Sultan Deli yang berpusat di Medan sehingga menjadikan mereka sebagai guru-guru agama di kalangan orang Melayu. Orang Mandailing berjaya menubuhkan lembaga pendidikan moden berbentuk sekolah bernama Maktab Islamiyah Tapanuli ( MIT).<sup>24</sup> Perantau yang berasal Minangkabau berkeinginan untuk mendirikan Muhammadiyah di Sumatera Timur, baru pada tahun 1928 mereka berjaya menubuhkan organisasi Muhammadiyah di Medan.<sup>25</sup> Dari penjelasan di atas mengenai kondisi agama, yang mana aliran keagamaan di Sumatera Timur terbagi kepada dua bahagian iaitu:

- 1.** Aliran tradisional (kaum tua), mereka terdiri daripada majoriti etnis Mandailing dan Melayu
- 2.** Aliran Moden (kaum muda), mereka terdiri daripada majoriti etnis Minangkabau.

---

<sup>24</sup> Saiful Akhyar Lubis (2008), *op. cit.*, h. 102.

### c. Kondisi Politik

Politik di Sumatera Timur khususnya Kesultanan Melayu (Serdang, Deli dan Langkat) menyokong ulama-ulama tradisional untuk tidak memberi kebebasan ulama-ulama moden. Hal ini terbukti pada tahun 1928-1934, orang-orang Muhammadiyah mengadakan *tabligh* umum di Pancur Batu, Deli. Para pegawai mlarang masyarakat untuk mendengar *tabligh* tersebut dengan alasan ulama-ulama Muhammadiyah belum minta izin kepada pihak kerajaan Deli.<sup>26</sup> Di samping itu juga, Muhammadiyah mendapat cabaran dari pihak penjajah yang terus berusaha menghancurkan gerakan-gerakan Islam dengan politik adu dombanya.

Kehadiran Muhammadiyah di Sumatera Timur, khususnya di Medan, dengan membawa paham baru mengalami konfrontasi antara kedua-dua kaum tersebut. Masing-masing pengikut “mengkafir-kan” antara satu dengan yang lain. Faham Muhammadiyah seringkali menjadi permasalahan di kalangan masyarakat sehingga mereka saling menyalakan antara satu dengan yang lain. Hal tersebut tentu sahaja akan memudahkan pihak penjajah mengancurkan persatuan umat Islam,<sup>27</sup> atas kebijaksanaan ulama tradisional dan ulama moden untuk menyatukan umat Islam khususnya, mereka bersama-sama berjuang mengusir penjajah dari bumi Indonesia.<sup>28</sup>

---

<sup>25</sup> *Pewarta Deli*, 14 Januari 1928.

<sup>26</sup> *Peringatan 30 tahun Muhammadiyah di Sumatera Timur* ( 1957), Medan: Panitia Besar Peringatan., h. 180.

<sup>27</sup> Saiful Akhyar Lubis (2008), *op. cit.*, h. 52.

<sup>28</sup> Chalidjah Hasanuddin (1988), *po. cit.*, h. 33.

Jadi kesimpulannya, menurut pandangan penulis (penyelidik) bahwa Sumatera Timur merupakan daerah yang diduduki bermacam-macam etnis dan agama. Kehadiran ulama-ulama tradisional (kaum tua), dan ulama-ulama moden (kaum muda) menjadi titik tolak konflik di antara satu dengan yang lain, baik dari segi agama dan politik. Menurut penulis penjajahan Belanda sengaja mengacurkan gerakan-gerakan Islam dan mengadudomba (berusaha mengancurkan persatuan dan kesatuan bangsa Indonesia). Juga penjajah Belanda membiarkan masyarakat dalam kebodohan agar mudah diadudomba. Jadi kehadiran al-Washliyah sangat diperlukan pada saat itu.

### **2.3. Sistem Pendidikan Islam Di Sumatera Timur (Sumatera Utara)**

Sejak kedatangan Islam di Sumatera Timur, sejarah mencatat bahwa perkembangan pengajian Islam berkembang begitu pesat, bersamaan kedatangan Islam di Sumatera Timur. Khususnya, bermula dari Kesultanan Aceh dan kerajaan Islam seluruh Indonesia. Dakwah Islam mulai menyebar ke seluruh pelosok wilayah Indonesia. Berawal dari sini, munculnya beberapa lembaga-lembaga pendidikan Islam sebagai wadah dan sistem pembelajaran yang mengikuti program bersekala mulai dari sistem pendidikan yang diselenggarakan di Istana, Masjid, Pondok dan Madrasah atau Sekolah.

Sistem pendidikan Islam di istana di kerajaan Islam Samudera Pasai (Aceh) berkembang pesat selari kedatangan agama Islam pada masa Malik al-Tahir (1297-1326).<sup>29</sup> Kerajaan tersebut mempunyai institusi pendidikan Islam yang teragung di Nusantara,

---

<sup>29</sup> Malik al-Zahir, beliau adalah raja yang kedua Samudra Pasai setelah Malik al-Saleh (1297). Lihat: Hamka (2006), *op. cit.*, h. 703. Pada pemerintahan beliau, istana dijadikan tempat berkumpulan ulama-ulama untuk membahas hukum-hukum fiqh. Lihat: Ibnu Battoutah (2006), *Pengembaraan Ibn Battutah*. Sayed

kemajuan ilmu pengetahuan berkembang di Samudera Pasai. Hal ini dapat dibuktikan di mana Sultan Mansur Shah (1456-1477),<sup>30</sup> mengirim kitab *Darul-Mazlum* (*Darul-Manzum*),<sup>31</sup> beliau amat berminat mempelajari ilmu Tasawuf.<sup>32</sup> Selain istana, masjid juga memainkan peranan yang penting dalam pengajaran pendidikan Islam seperti pada zaman kerajaan Perlak (Aceh), yang mana masjid dijadikan tempat pengajaran seperti Masjid Bayt al-Rahman.<sup>33</sup> Selain masjid sebagai lembaga pendidikan Islam, pondok<sup>34</sup> juga memainkan peranan penting dalam pendidikan Islam.

Seperti di Pasai<sup>35</sup> para ulama-ulama banyak membangun pondok atau pesantren. Kemudian sistem pondok atau pesantren berkembang ke seluruh wilayah Indonesia.<sup>36</sup> Selain pondok pusat pengajaran Islam, madrasah atau sekolah memainkan peranan juga sebagai lembaga pendidikan Islam.

Madrasah yang pertama ditubuhkan di Sumatera Timur iaitu: Madrasah Maslurah bertempat di Tanjung Pura,<sup>37</sup> yang didirikan pada tahun 1912 M. Adapun subjek-subjek

---

Nurul Akla dan Syed Abdullah Adi Setia Mohd (terj), Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malasysia (IKIM), h. 730.

<sup>30</sup> Sesudah meninggal Sultan Muzaffar Syah (1426-1459 M), maka yang menjadi raja ialah anaknya sendiri yang bernama Sultan Mansur Syah. Lihat: Hamka (2006), *op. cit.*, h. 724.

<sup>31</sup> Kitab ini membahas masalah ilmu-ilmu yang berhubungkait dengan buku pelajaran Tasawuf karangan Maulana Abu Ishak dari Makkah, kitab tersebut dibawa ke Pasai untuk diterjemahkan. Untuk keterangan lanjut. Lihat: Abdullah Ishak (1990), *op. cit.* h 102-103.

<sup>32</sup> *Ibid.*, h. 94.

<sup>33</sup> Abdul Rahman Hj. Abdullah (2006), *op. cit.*, h. 132.

<sup>34</sup> Para ahli sejarawan berbeza pendapat mengenai asal mulanya sistem pendidikan pondok. Mengikut kepada pendapat Usman Said mengatakan bahawa institusi pondok berasal dari Aceh kerana penduduk daerah itu yang mula-mula memeluk agama Islam. Lihat: Usman Said (1966), *op. cit.*, h. 30. Kerajaan Islam di Samudra Pasai membangunkan pondok pesantren. Adapun guru-guru pondok tersebut berasal dari kalangan ulama yang datang dari Arab dan India. Mengenai kurikulum ilmu-ilmu agama yang diajarkan di pondok pesantren. Lihat: Edi .S. Ekadjati (1975), *op. cit.*, h. 21. Menurut pendapat yang lain mengatakan bahawa sistem pondok berasal dari Fatani (Thailand) untuk keterangan lanjut lihat: Abdullah Jusuh (1990), *Pengenalan Tamadun Islam Di Malaysia*. cet. 1, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, h. 8-9.

<sup>35</sup> Pada masa kerajaan Islam Malik al-Saleh (1297), Institusi Pendidikan Islam, atau pondok pasentren sudah pun wujud. Lihat: Edi S. Ekadjati (1975), *op. cit.*, h. 21.

<sup>36</sup> Usman Said (1966), *op. cit.*, h. 30.

<sup>37</sup> Daerah Langkat, Provinsi Sumatera Utara

yang diajarkan di madrasah tersebut subjek agama dan umum. Seterusnya, Madrasah Aziziyah ditubuhkan pada tahun 1923 M, subjek yang diajarkan adalah subjek agama dan subjek akademik. Terakhir Maktab Islamiyah Tapanuli (MIT) Medan yang didirikan pada tahun 1918 M.<sup>38</sup>

Dari kesemua madrasah tersebut, penulis melihat madrasah paling awal di bangun di Sumatera Timur iaitu; Madrasah Maslurah lama belajarnya selama 7 tahun (dari darjah satu sampai darjah tujuh ). Murid-murid yang belajar di Madrasah Maslurah terlebih dahulu tamatan Sekolah Rakyat (SR) selama 5 tahun, jenjang pendidikan madrasah tersebut tajhizi (persiapan) 4 tahun.

Sedangkan Ibtida'iyah 3 tahun, kurikulum yang diajarkan mata pelajaran agama seperti: al-Quran, al-Khat, al-Imla'dan al-Fiqh, al-Muhadatsah, al-Nahwu, al-Tauhid, al-Sharfu, al-Akhlaq, al-Muthola'ah, al-Tajwid, al-Tafsir, al-Insyaa, Sejarah Nabi, Tarikh Islam, Tasawuf, Ushul fiqh dan lain-lain. Sedangkan subjek umum (akademik) seperti: Bahasa Indonesia, Matematika, Ilmu Pengetahuan Alam, Bahasa Inggris, Berhitung, Ilmu hayat, Ilmu Bumi, Sejarah Indonesia, Ilmu Jiwa, Ilmu Kesihatan, Tarbiyah dan lain-lain.<sup>39</sup>

Jadi sistem pendidikan Islam di Sumatera Timur (Sumatera Utara) terbahagi kepada dua tahap. Tahap pertama pendidikan tidak formal yang diselenggarakan di Istana dan Masjid. Kemudian pada tahap kedua pendidikan formal seperti: Pondok, Madrasah

---

<sup>38</sup> Mahmud Junus (1960), *op. cit.*, h. 161 – 169.

<sup>39</sup> *Ibid.*, h. 161-165.

atau Sekolah yang mana subjek agama dan umum diajarkan. Hal ini menunjukkan sistem pendidikan di Sumatera Timur mengikuti perkembangan zaman.

## **2.4 Penubuhan Dan Pentadbiran Organisasi Al-Jam'iyyatul Washliyah**

### **2.4.1 Sejarah Berdirinya Al-Jam'iyyatul Washliyah**

Sejarah berdirinya al-Jam'iyyatul Washliyah secara panjang lebar melalui beberapa proses peralihan dari beberapa maktab sehingga berdirinya organisasi al-Washliyah iaitu:

#### **a. Maktab Islamiyah Tapanuli (MIT)<sup>40</sup>**

Berdirinya maktab<sup>41</sup> ini pada awalnya bertujuan untuk menandingi sekolah-sekolah moden Muhammadiyah dengan mengikuti sistem sekolah-sekolah Belanda. Maktab Islamiyah Tapanuli berdiri pada tahun 1918 M diketuai oleh Hj. M. Ya'cub (1937M). Beliau adalah salah seorang pengetua persatuan pendatang Mandailing di Medan. Di antara guru-guru yang mengajar di Maktab Islamiyah Tapanuli, ialah:

1. Syeikh Hj. Ja'far Hasan (1880-1950).
2. Syeikh Hj. Muhammad Yunus (1889-1950).<sup>42</sup>

Maktab Islamiyah Tapanuli (MIT) ialah salah satu perguruan Islam yang berbentuk sekolah di Bandar Medan. Maktab ini banyak dikunjungi oleh para penuntut ilmu bukan

---

<sup>40</sup> Maktab di sini bermaksud madrasah atau sekolah agama, yang mana sistem pendidikan yang formal, kurikulum yang diajarkan di maktab tersebut pendidikan agama sahaja. *Ibid.*, h. 169.

<sup>41</sup> Dalam kamus Arab Indonesia istilah Maktab iaitu; Sekolah Rendah. Lihat: Mahmud Yunus (1990), *Kamus Arab-Indonesia*, cet. VIII, Jakarta: Hidakarya Agung, h. 367.

<sup>42</sup> Ahmad Nasution (1975), *Sejarah Ulama-Ulama Terkemuka Di Sumatera Utara*. Medan: IAIN Press, h. 120. Lihat: Rosyidin (1986), *op. cit.*, h. 2-3.

sahaja di sekitar Medan, bahkan dari segala penjuru Indonesia dan Malaysia.<sup>43</sup> Pada tahun 1930 M jumlah penuntut ilmu di MIT lebih kurang mencecah 1000 orang siswa. Pada masa itu, MIT belum lagi memiliki cawangan. Dengan hasil kerja keras para pelajar, mereka berhasil membuka cawangan di kampung mereka masing-masing.<sup>44</sup> Menurut pendapat Mahmud Junus (1889-1950) Maktab Islamiyah Tapanuli (MIT) merupakan lembaga pendidikan awal yang didirikan di Medan.<sup>45</sup>

Maktab Islamiyah Tapanuli (MIT) telah menjalin kerjasama dengan kerajaan Deli<sup>46</sup> dipelopori oleh para ulama yang kemudiannya membentuk tiga tahap pembelajaran, iaitu :

1. *Tajhizi* ( Sekolah Persiapan ).
2. *Ibtidaiyah* (Sekolah Rendah Agama ).
3. *Tsanawiyah* ( Sekolah Menengah Agama ).<sup>47</sup>

Para pelajar MIT juga belajar di sekolah-sekolah milik Belanda<sup>48</sup> seperti *Vervolgschool*, *Hollands Inlandsche school* (HIS). Para penuntut ilmu tersebut tekun mempelajari ilmu-ilmu agama yang berasaskan al-Qur'an dan al-Hadis. Hampir semua

<sup>43</sup> *Al-Djamijatul Washlijah 1/4 abad* (1955), *op. cit.*, h. 34-35. Lihat: Roshyidin (1986), *op. cit.*, h. 3.

<sup>44</sup> Chalidjah Hasanuddin (1988), *op. cit.*, h. 17.

<sup>45</sup> Mahmud Junus (1960), *op. cit.*, h. 169.

<sup>46</sup> Kerajaan Deli ialah: kerajaan Melayu Deli terletak di sebelah Timur Pulau Sumatera, penduduk daerah tersebut dikenali dengan suku Melayu pesisir Sumatera Timur, wilayahnya meliputi daerah Tamiang (Aceh Timur) hingga ke ujung batu Rokan ( Provinsi Riau). Lihat: Tengku Luckman Sinar (1991), *Sejarah Medan Tempoe Doeloe*. Medan: T.P, h. 4. Adapun asal kata Deli berasal daripada nama sungai yang kini wujud di Deli Tua (Medan, Sumatera Utara), sungai tersebut bernama Lau Deli. Lihat: Dada meuraxa (1973), *Sejarah Kebudayaan Suku-Suku Di Sumatera Utara*, Medan: Sasterawan, h. 53.

<sup>47</sup> *Tajhizi* adalah murid-murid yang diterima di madrasah tersebut yang belum pandai menulis dan membaca, masa belajarnya selama 2 tahun. *Ibtidaiyah* lanjutan dari *Tajhizi*, masa belajarnya 4 tahun, sedangkan *Tsanawiyah* lanjutan dari *Ibtidaiyah*, masa belajarnya 3 tahun. Lihat: Mahmud Junus (1960), *op. cit.*, h. 171-172.

<sup>48</sup> Pemerintahan Belanda mendirikan lembaga pendidikan di Sumatera Timur di antaranya *VolkScool* (Sekolah Rakyat), khusus rakyat biasa, *Vervolkschool* dan HIS (Sekolah Rendah Umum), khusus bagi orang-orang kaya dan dari kalangan keluarga diraja. Untuk keterangan lanjut sila lihat: Suprayetno (2001), *Mencoba lagi menjadi Indonesia Dari Federalisme Ke Unitaresme; Studi Tentang Negara Sumaatera Timur 1947- 1950*. Yogjakarta: yayasan Adi Karya IKAPI, h. 30 – 31.

subjek yang mereka pelajari menggunakan cara menghafaz, seperti subjek *al-Nawhu*, (*Matan alFiyah Ibnu Mālik*, *Matan al-Zubād*), al-Tauhid dan lain-lain.<sup>49</sup> Kegiatan lembaga pendidikan MIT menggabungkan sistem pendidikan tradisional dan moden, kurikulum yang diajarkan di MIT tidak jauh berbeza dengan kurikulum yang diajarkan di pondok pesantren. Adapun peralatan dalam pengajaran di MIT masih menggunakan papan tulis, bangku dan lain- lain.<sup>50</sup>

Setelah MIT berjalan lebih kurang sepuluh tahun, munculah sebuah isu di kalangan masyarakat, yang mana isu tersebut dapat menimbulkan perpecahan antara umat Islam khususnya mengenai perbezaan pendapat dalam masalah hukum *furu 'Syariat*. Hal tersebut terjadi di kalangan pemimpin dan guru-guru agama Islam yang mengajar di MIT. Sememangnya perbezaan pendapat adalah sesuatu hal yang tidak biasa di Indonesia.

Perbezaan pendapat dapat melibatkan murid-murid dan pengikutnya menjadi berpecah belah. Masing-masing mengungkapkan perbezaan pendapat itu melalui tulisan di media masa (akhbar), dan lain-lain. Perbezaan pendapat ini adalah selalu ditimbulkan oleh faham Muhammadiyah yang tidak terikat kepada mazhab. Golongan ini dikenali dengan sebutan Kaum Muda yang memakai dua sumber langsung dari al-Qur'an dan al-Hadis.

Kejadian di atas, menimbulkan hasrat para pelajar MIT mencari jalan penyelesaian untuk mewujudkan dan menciptakan persatuan umat Islam. Masalah ini boleh diselesaikan dengan mendatangkan beberapa pemimpin pergerakan kebangsaan dari Jawa ke Medan.

---

<sup>49</sup> *Al-Djamijatul Washlijah 1/4 Abad* (1955), *op. cit.*, h. 35.

<sup>50</sup> Samsul Nizar (ed) (2008), *Sejarah Pendidikan Islam Menelusuri Jejak Sejarah Pendidikan Era Rasulullah Sampai Indonesia*, cet. II, Jakarta: Kencana Prenada Media Group, h. 323.

Pada tahun 1928 Masehi para pelajar MIT yang senior telah berjaya menumbuhkan suatu perkumpulan yang dinamakan dengan *Debating Club*.<sup>51</sup>

### b. Debating Club

Pengasas *Debating Club* adalah hasil daripada gagasan para pelajar senior dari Maktab Islamiyah Tapanuli (MIT). *Debating Club* mempunyai matlamat dan tujuan membahaskan masalah pembelajaran dan persoalan umat Islam secara bijaksana sehingga dapat menghilangkan perbezaan pendapat dan perselisihan faham di perkumpulan tersebut. Para pelajar dapat mendedahkan masalah itu dengan melalui diskusi sekurang-kurangnya satu minggu satu kali, pertemuan mereka dilaksanakan setiap malam Jum'at. Adapun lokasi pertemuan dilaksanakan berpindah-pindah tempat seperti di Petisah dan kota Maksum Medan. Ahli Jawatankuasa Persatuan *Debating Club*, adalah:

1. Ketua (Presiden) : Hj. Abdurrahman Syihab (1910-1955)
2. Penulis : Hj. Udin Syamsuddin (1907)
3. Penasihat (1) : Hj. Ismail Banda (1910-1951)
4. Penasihat (2) : Hj. Sulaiman (1842-1917).<sup>52</sup>

*Debating Club* terus beroperasi dan berhasil dalam program-programnya untuk menyatukan umat Islam terutama dalam menyelesaikan persoalan-persoalan yang berhubungkait dengan sosial keagamaan yang sedang menghangat di tengah-tengah masyarakat. Para pelajar MIT memberi saranan agar memperluaskan usaha mereka untuk mendirikan sebuah organisasi Islam yang masyhur di seluruh pelosok Indonesia .<sup>53</sup>

---

<sup>51</sup> Al-Djamijatul Washliah ¼ Abad (1955), op. cit., h. 36.

### c. Penubuhan Organisasi Al-Jam'iyatul Washliyah

Al-Jam'iyatul Washliyah ditubuhkan pada tarikh 26 Oktober 1930 M, bertempat di Maktab Islamiyah Tapanuli (MIT) di Medan telah berlangsung beberapa kali pertemuan. Atas idea para pelajar MIT, maka para ulama dan para pelajar serta pemimpin Islam mengadakan beberapa pertemuan antara lain:

1. Pada awal bulan Oktober 1930 M. bertempat di rumah H. M. Yusuf Ahmad Lubis meninggal (1912M) di Gelugur<sup>54</sup> yang dipimpin oleh Abdurrahman Syihab (1910-1955), dalam mesyuarat tersebut tidak diputuskan untuk memperbesar organisasi.
2. Seminggu kemudian, iaitu diadakan juga mesyuarat di rumah Hj. Abdurrahman Syihab di Petisah<sup>55</sup> yang dipimpin oleh Abdurrahman Syihab sendiri. Mesyuarat itu juga dihadiri oleh Ismail Banda (1910-1951) dan Hj. Yusuf Ahmad Lubis dan kawan-kawan yang turut hadir pada mesyuarat tersebut. Antara isi mesyuarat itu adalah mengasaskan organisasi Islam iaitu al-Jam'iyatul Washliyah.
3. Pada tanggal 26 Oktober 1930M, barulah ditetapkan untuk membentuk organisasi Islam yang diberi nama *Al-Jam'iyatul Washliyah*.<sup>56</sup> Adapun nama Al-Jam'iyatul Washliyah atas pemikiran Syeikh Hj. Muhammad Yunus (1889-1950 M), beliau seorang guru besar di Maktab Islamiyah Tapanuli (MIT). Setelah organisasi tersebut resmi didirikan, maka ditetapkan susunan pengurus al-Jam'iyatul Washliyah bertempat di Medan (Sumatera Utara) bahawa Jawatankuasa dipimpin oleh :
  1. Penasihat: Syeikh Hj. Muhammad Yunus (1889-1950)

---

<sup>52</sup> *Ibid.*, h. 35- 36.

<sup>53</sup> Samsul Nizar (2008), *op. cit.*, h. 323 -324.

<sup>54</sup> Gelugur adalah salah satu daerah kecil iaitu sebuah kecamatan (distrik) di Bandaraya Medan Provinsi Sumatera Utara.

<sup>55</sup> Petisah adalah salah satu daerah kecil iaitu sebuah kecamatan (distrik) di Bandaraya Medan Provinsi Sumatera Utara.

2. Ketua umum (yang di pertua): Hj. Ismail Banda (1910-1951)
3. Naib ketua: Hj. Abdurrahman Syihab (1910-1955)
4. Sekretari I : Hj. Muhammad Arsyad Thalib Lubis (1908-1972)
5. Bendahari : Hj. Muhammad Ya'cub meninggal (1959)
6. Pembantu-pembantu :
  1. Hj. Yusuf Ahmad Lubis lahir (1912)
  2. Hj. Abdul Malik (1825-1950) dan lain –lain.

Pemilihan jawatankuasa tersebut silih berganti, setiap 6 (enam) bulan sekali didedahkan pertemuan. Dalam pertemuan diadakan mesyuarat untuk memilih individu yang berhak untuk mengambil jawatankuasa melalui pengundian dari suara yang terbanyak.<sup>57</sup>

#### **2.4.2. Makna Al-Jam'iyatul Washliyah**

Al-Jam'iyatul Washliyah adalah sebuah nama yang berasal dari bahasa Arab di rangkai dari dua kata iaitu; al-Jam'iayah dan al-Washliyah. Jam'iayah mengandung erti Perkumpulan, persatuan, atau organisasi (jamaah). Sedangkan pengertian al-Washliyah iaitu; yang menghubungkan, mempersatukan atau mempererat di antara satu dengan yang lainnya, memperhubungkan sesama manusia dan di antara satu organisasi dengan organisasi yang lain.<sup>58</sup> Dalam kamus bahasa Indonesia dan Arab dijelaskan bahawa kata

<sup>56</sup> *Al-Djamijatul Washlijah 1/4 abad* (1955), *op. cit.*, h. 36-38.

<sup>57</sup> *Ibid.*, h. 39.

<sup>58</sup> Syahrul AR EL-Hadidhy, *et al* (2005), *Pendidikan Ke Al-Washliyahan*, Medan: Majlis Pendidikan dan Kebudayaan Al-Jam'iyatul Wasliyah, h. 1.

al-Jam’iyatul mengandung erti: perhimpunan atau persekutuan.<sup>59</sup> Sedangkan makna al-Washliyah ertinya hubungan atau perhubungan (sambungan).<sup>60</sup>

Jadi makna al-Jam’iyatul Washliyah secara keseluruhannya mengandung erti; suatu perkumpulan (organisasi) yang menghubungkan silaturahmi atau mempertalikan kasih sayang antara seseorang dengan Tuhan dan antara sesama manusia dengan alam lingkungannya.<sup>61</sup> Dalam penulisan ejaan al-Jam’iyatul Washliyah ada beberapa pendapat di antaranya adalah seperti yang dijelaskan dalam buku yang bertajuk *Al-Djamijatul Washliyah ¼ Abad* dan buku yang bertajuk *Bulan Sabit Berbintang Lima Dalam Kenangan H. Djaluddin Lubis* bahawa penulisan ejaan al-Jam’iyatul Washliyah pada buku tersebut tidak meletakan tanda koma sesudah huruf “M” pada kalimah al-Jamiyatul.

Adapun ejaan lain, seperti dalam buku yang bertajuk *Anggaran Dasar dan Anggaran Rumah Tangga Al-Jam’iyatul Washliyah* dan buku yang bertajuk *Al-Jam’iyatul Washliyah Api Dalam Sekam*. Ejaan tersebut dengan meletakan tanda koma sesudah huruf M pada kalimah al-Jam’iyatul. Oleh itu penulis lebih cenderung kepada ejaan penulisan al-Jam’iyatul Washliyah dengan meletakan tanda koma sesudah huruf M, hal ini sesuai dengan papan nama perasmian yang dirasmikan oleh Gabenor Sumatera Utara iaitu Hj.Tengku Rijal Nurdin dengan ejaannya seperti berikut al-Jam’iyatul Washliyah. Papan nama tersebut terletak di Pimpinan Wilayah (PW) Washliyah Jalan Sisingamangaraja No 144 Medan.

---

<sup>59</sup> Ahmad Warson Munawir ( 1973 ), *Kamus Arab Indonesia*, Yokyakarta: Yappy, h. 236.

<sup>60</sup> Muhammad bin Abī Bakhr bin ‘Abd al-Kadīr al-Rāzy (1967), *Mukhtar al-Sihah*, cet.1, T.T: Dār al-Nasar al-Kitāb al-‘Arāby, h. 725. Lihat: Idris Marbawi (1990), *Kamus Arabi Melayu*, Kuala Lumpur: Dār al-Fikir, h. 390.

Penamaan al-Jam'iayatul Washliyah ini bertujuan supaya dapat mengukuhkan ikatan antara manusia dan Allah iaitu *Habl min Allāh* dan *Habl min al-Nās* sebagaimana yang terdapat dalam Al-Qur'an.

صُرِّبَتْ عَلَيْهِمْ الذِّلْلَةُ أَئِنَّ مَا تُفْعِلُوا إِلَّا بِحَبْلٍ مِّنَ اللَّهِ وَحَبْلٍ مِّنَ النَّاسِ وَبَاعُوا بَعْضَ مِنْ اللَّهِ وَصُرِّبَتْ عَلَيْهِمْ الْمَسْكَنَةُ ذَلِكَ بِأَنَّهُمْ كَانُوا يَكْفُرُونَ بِآيَاتِ اللَّهِ وَيَقْتُلُونَ الْأَنْبِيَاءَ بَغْيًا حَقًّا ذَلِكَ بِمَا عَصَوْا وَكَانُوا يَعْتَدُونَ

Surah Āli ‘Imrān (3): 112

Maksudnya:

“Mereka ditimpakan kehinaan (dari segala jurusan) di mana sahaja mereka berada, kecuali dengan adanya sebab dari Allah dan adanya sebab dari manusia. dan sudah sepatutnya mereka beroleh kemurkaan dari Allah, dan mereka ditimpakan kemiskinan (dari segala jurusan). Yang demikian itu, disebabkan mereka sentiasa kufur ingkar akan ayat-ayat Allah (perintah-perintah-Nya), dan mereka membunuh Nabi-nabi dengan tiada alasan yang benar. Semuanya itu disebabkan mereka derhaka dan mereka sentiasa mencerobohi (hukum-hukum Allah)”.<sup>62</sup>

Menurut pendapat Hj. Nizar Sharif bahawa al-Jam'iayatul Washliyah sebuah organisasi yang mana tujuan organisasi tersebut untuk memperhubungkan manusia dengan Allah dan hubungan manusia dengan manusia serta alam sekitarnya.<sup>63</sup> Dari penjelasan di atas, dapat difahami bahawa al-Jam'iayatul Washliyah merupakan sebuah organisasi yang memberi makna; perkumpulan, persatuan dan memperhubungkan antara satu dengan yang lain dengan mempererat persaudaraan sesama manusia khususnya umat Islam dalam membina rasa ukhuwah Islamiyah. Ini sesuai dengan firman Allah SWT:

<sup>61</sup> Syahrul AR EL-Hadidy, *et al* (2005), *op. cit.*, h. 1.

<sup>62</sup> Abdullah bin Muhammad Basmih (1988), *Tafsir Pimpinan Al-Rahman Kepada Pengertian Al-Qur'an*, Jabatan Perdana Menteri: Bahagian Hal Ehwal Islam, h. 121.

<sup>63</sup>Pidato (Seminar) yang disampaikan Drs. Hj. Nizar Sharif sebagai Ketua (PW) Al-Jam'iayatul Washliyah Sumatera Utara (Medan) dalam rangka studi banding PB di Universiti Malaya pada hari Kamis 15 Februari 2007, di Dewan Ilmu.

وَاعْصِمُوا بِحَبْلِ اللَّهِ حَمِيعاً وَلَا تَنْرَقُوا

Surah Āli ‘Imrān (3): 103

Maksudnya:

“Dan berpegang teguhlah kamu sekalian kepada tali Allah (agama Islam), dan janganlah kamu bercerai-berai”<sup>64</sup>

Realisasi hubungan dengan Allah diwujudkan dalam bentuk pelaksanaan ibadah atau pengabdian pada Allah dengan tekun dan rajin beribadah dengan niat yang ikhlas. Hubungan dengan Allah perlu dibina dengan sebaik-baiknya, sebagai tanda patuh, taat kepada Allah dan Rasul-Nya yang disebut takwa, ertinya mengerjakan perintah Allah dan menjauhi larangannya. Sedangkan dalam mempererat hubungan sesama manusia dengan saling menghormati antara satu dengan yang lain, baik sesama Islam maupun yang bukan beragama Islam, kerja sama dengan organisasi Islam dengan matlamat memajukan umat Islam di seluruh lapisan masyarakat Indonesia.<sup>65</sup>

Kesimpulan sejarah berdirinya al-Jam’iyatul Washliyah untuk membebaskan bangsa Indonesia dari penjajah Belanda yang mana penjajah menginjak hak azasi Bangsa Indonesia dan membiarkan masyarakat dalam kebodohan. Lembaga Pendidikan masa penjajahan Belanda amat terbatas khususnya di Sumatera Timur di antaranya *Volkschool* (sekolah rakyat), khusus rakyat biasa. *Vervolkschool* dan *HIS* (sekolah rendah umum), khusus bagi orang kaya dan di kalangan keluarga diraja.

---

<sup>64</sup> Abdullah bin Muhammad Basmih (1988), *op. cit.*, h. 118.

### **2.4.3. Tokoh-Tokoh Pendiri Al-Jam'iyyatul Washliyah**

Di antara tokoh-tokoh utama yang memiliki peranan penting di al-Jam'iyyatul Washliyah yang memegang jawatankuasa, mereka ialah:

#### **1. Hj. Udin Syamsuddin (1907)**

##### **a. Latar Belakang Keluarga**

Udin Syamsuddin lahir di Medan pada tahun 1907, Ayahnya Hj. Syamsuddin adalah seorang kepala adat<sup>66</sup> Batang Toru<sup>67</sup> Udin Syamsuddin bukan keturunan ulama.

##### **b. Pendidikan**

Udin Syamsuddin menuntut pendidikan agama di Maktab Islamiyah (MIT) di Medan dan belajar pendidikan umum di *Vervolgschool* (Sekolah Rendah Umum). Pada tahun 1921-1926, sesudah tamat belajar di lembaga pendidikan umum tersebut, kemudian beliau bekerja di salah satu pejabat milik kerajaan Jerman yang bernama *Karl schieper*<sup>68</sup> yang bertempat Medan.<sup>69</sup> Beliau juga mengikuti kursus bahasa Belanda, bahasa Inggeris, stenografi (ilmu seni tulis) dan administrasi (Pentadbiran). Di samping itu, beliau juga rajin membaca buku-buku agama Islam.<sup>70</sup>

---

<sup>65</sup> Sahyrul AR EL-Hadidhy, *et al* (2005), *op. cit.*, h. 2.

<sup>66</sup> Gelaran bukan rasmi yang dimiliki seseorang yang dianggap mengetahui dan memeliki wewenang pada suatu adat budaya.

<sup>67</sup> Ini adalah salah satu daerah kecil yakni sebuah kecamatan (distrik) di Kabupaten Tapanuli Selatan, Provinsi Sumatera Utara.

<sup>68</sup> *Karl schieper* adalah perusahaan Jerman yang bergerak dalam bidang bangunan, ianya mempunyai banyak cabangan di Sumatera Timur. Lihat: Chalidjah Hasanuddin (1988), *op. cit.*, h. 162.

<sup>69</sup> *Ibid.*, h. 48-49.

<sup>70</sup> *Ibid.*, h. 48- 49.

### **c. Sumbangan Dan Peranannya Dalam Al-Washliyah**

Beliau bekerja sama dengan Abdurrahman Syihab untuk membina al-Jam'iayatul Washliyah. Pada tahun 1932-1955, beliau memegang jabatan Sekretari Jenderal Pengurus Besar (PB) al-Jam'iayatul Washliyah. Sesudah meninggal Abdurrahman Syihab, beliau menggantikannya sebagai Ketua Umum (Presiden) al-Washliyah.<sup>71</sup>

Udin Syamsuddin sebagai seorang pendakwah sangat aktif, bersama Abdurrahman Syihab. Beliau dapat membangun lembaga pendidikan madrasah di dalam organisasi al-Jam'iayatul Washliyah demi pembangunan dakwah Islam di Medan. Madrasah pertama kali dibangun di Medan bertempat di Jalan Sinagar, pembangunan madrasah tersebut atas idea Abdurrahman Syihab dan Udin Syamsuddin.<sup>72</sup>

### **d. Karya-Karyanya**

Udin Syamsuddin merupakan salah satu tokoh al-Jam'iayatul Washliyah telah menghasilkan karya tulis yang berhubungan dengan bidang umum dan bidang agama di antara karya-karya beliau adalah:

1. Penentuan Persyarikatan Umum (1936). *Indischs Drukkerij* Medan
2. Catatan Tanah Air dan Dunia (1938). *Indischs Drukkerij* Medan
3. Kesopanan Dalam Islam (1939). *Indischs Drukkerij* Medan.<sup>73</sup>

### **e. Kewafatannya**

---

<sup>71</sup> *Al-Djamijatul Washliyah 1\4 abad* (1955), *op. cit.*, h. 26.

<sup>72</sup> *Ibid.*, h. 40.

<sup>73</sup> Chalidjah Hasanuddin (1988), *op. cit.*, h. 49. Menurut Chalidjah Hasanuddin, beliau menyatakan buku-buku karangan Udin Syamsuddin tidak ada lagi sebagai kolaksi di pasaran, dan juga tidak didapati di Mesium Indonesia Jakarta. *Ibid.*, h. 162.

Mengenai tahun kewafatan beliau, penulis belum mendapati data tersebut, namun pada tahun 1981M beliau masih hidup lagi, data ini diambil daripada temubual yang dilakukan oleh Chalidjah Hasanuddin.<sup>74</sup> Menurut buku karangan Syahruddin Tanjung (1997) menyatakan bahawa beliau telah wafat di Medan, akan tetapi tarikh kewafatan beliau tidak disebutkan secara pasti.<sup>75</sup>

## 2. Hj. Abdurrahman Syihab (1910-1955)

### a. Latar Belakng Keluarga

Beliau dilahirkan di kampung Paku Galang<sup>76</sup> Deli Serdang pada tahun 1910 M, Ayah beliau bernama Hj. Syihabuddin berkhidmat sebagai Qadi hakim di kerajaan Deli Serdang<sup>77</sup> dan Ibunya bernama Tupin binti Lebai Karim. Kedua orang tuanya berasal dari Bandar Nopan.<sup>78</sup> Beliau adalah anak ketiga dari pada tujuh orang bersaudara, beliau menikah dengan Norma, kemudian dikurniai tiga orang anak lelaki dan dua orang anak perempuan, kesemua anak beliau bekerja di pejabat kerajaan.<sup>79</sup>

### b. Pendidikan

Pada tahun 1918 sampai 1922 M, beliau mengikuti kursus di *Vervolgschool* (sekolah rendah umum) bertempat di simpang tiga Perbaungan.<sup>80</sup> Kemudian beliau belajar

---

<sup>74</sup> *Ibid.*, h. 162.

<sup>75</sup> Syahruddin Tanjung, *et al* (1997), *Pendidikan Ke Al-Washliyahan*, juzuk 3B, Medan: Majlis Pendidikan dan Kebudayaan Al-Washliyah Sumatera Utara, h. 2.

<sup>76</sup> Ini adalah salah satu daerah kecil yakni sebuah kecamatan (distrik) di Kabupaten Deli Serdang Provinsi Sumatera Utara.

<sup>77</sup> Syahruddin Tanjung, *et al* (1997), *Pendidikan Ke Al-Washliyahan*, Juzuk 3C, Medan: Majlis Pendidikan dan Kebudayaan al-Washliyah Sumatera Utara, h. 36.

<sup>78</sup> Ini adalah salah satu daerah kecil yakni sebuah kecamatan (distrik) di Kabupaten Mandailing Natal Provinsi Sumatera Utara.

<sup>79</sup> Chalidjah Hasanuddin (1988), *op. cit.*, h. 43.

<sup>80</sup> Sebuah daerah kecil yakni kecamatan di Kabupaten Bedagai Provinsi Sumatera Utara.

pendidikan agama Islam di salah satu madrasah Sairussulaiman di tempat yang sama (Simpang Tiga Perbaungan), sesudah tamat dari madrasah dan sekolah tersebut, beliau langsung melanjutkan belajarnya ke Maktab Islamiyah Tapanuli (MIT) di Medan, lembaga pendidikan tersebut ketika itu guru besarnya adalah Syeikh Hj. Muhammad Yunus (1889-1950).

Setelah Hj. Abdurrahman Syihab belajar di MIT selama empat tahun beliau diangkat oleh Syeikh Hj. Muhammad Yunus sebagai guru bantu di Maktab Islamiyah Tapanuli (MIT), kemudian beliau meneruskan belajarnya di Maktab Hasaniah pada waktu itu yang menjawat sebagai guru besarnya adalah Syeikh Hasan Ma'sum (1884-1937).<sup>81</sup> Untuk menambah ilmu pengetahuan agama Islam, Abdurrahman Syihab (1910-1955) menyempatkan diri untuk belajar kepada ulama-ulama yang terkenal di Makkah sewaktu beliau mengerjakan ibadah haji pada tahun 1939 M.

#### c. Senarai Guru-gurunya

Hj. Abdurrahman Syihab, banyak belajar ilmu kepada ulama semasa beliau, di antara guru-guru beliau ialah:

1. Syeikh Muhammad Yunus (1889-1950).
2. Syeikh Hj. Hasan Maksum (1884-1937).
3. Syeikh Alie Maliki (1943-2004) dan lain-lain.<sup>82</sup>

#### d. Karya-karyanya

<sup>81</sup> *Sejarah Ulama-ulama Terkemuka Di Sumatera Utara* (1983), Medan: Institut Agama Islam Negeri Al-Jami'ah Sumatera Utara, h. 297.

<sup>82</sup> *Ibid.*, h. 297 dan lihat: Ahmad Hamim Azizy (2006), *Al-Jam'iyyatul Washliyah Dalam Kancah Politik Indonesia*, Banda Aceh: Yayasan Pena, h. 83.

Hj. Abdurrahman Syihab, banyak menulis dan mengarang buku, di antara karya-karya beliau adalah:

1. Penuntun Haji
2. Pidato Agama, Radio Republik Indonesia (RRI).
3. Biografi beliau sendiri yang memuat 5 jilid yang berjumlah 2500 muka surat.<sup>83</sup>

#### e. Sumbangan Dan Peranan Abdurrahman Dalam Al-Washliyah

Abdurrahman Syihab adalah seorang tokoh yang aktif berdakwah dan mengajar, beliau juga aktif berorganisasi bagi membina masyarakat. Pada tahun 1930 sampai 1932 M, beliau diangkat sebagai Naib Ketua Umum (Presiden) Pengurus Besar (PB) al-Jam'iyyatul Washliyah dan pada tahun 1932.<sup>84</sup> Kemudian dilanjutkan pada tahun 1934-1942 M, beliau diangkat sebagai Ketua Umum (Yang Dipertua) di lembaga tersebut. Sehingga dapat disimpulkan bahawa kontribusi beliau terhadap lembaga al-Jam'iyyatul Washliyah tersebut sangatlah besar. Pada sisi lain, beliau juga aktif dalam bidang dakwah keagamaan di masyarakat sebagai aktiviti ke sehari-hari beliau. Beliau juga pernah menjabat sebagai Ketua Warmusi (wartawan Muslim Indonesia) dari tahun 1937-1939M, Ketua Majlis Penyiaran Islam 1945-1946 M.<sup>85</sup>

#### f. Kewafatan Beliau

Sehabis mesyuarat agung guru-guru besar al-Jam'iyyatul Washliyah akhir tahun 1954 M, di Medan, beliau mendapat serangan penyakit jantung. Sesudah beliau merasa sihat dan bertenaga, Abdurrahman Syihab kembali ke Jakarta untuk memenuhi tugasnya

---

<sup>83</sup> *Ibid.*, h. 298

<sup>84</sup> Madrasah (Sekolah Rendah Agama) pertama kali dibangun di Medan, madrasah tersebut bertempat di Jalan Sinagar. Pada tahun 1933 berdiri lagi madrasah-madrasah di sekitar Medan berjumlah 6 unit, untuk keterangan lanjut lihat: *Al-Djamijatul Washliyah 1/4 abad* (1955), *op. cit.*, h. 40-42.

sebagai anggota Parlimen. Pada awal Disember 1954 M, beliau kembali ke Medan untuk rawatan, beberapa hari beliau dirawat di hospital, kemudian meninggal dunia pada tanggal 7 Februari 1955 M, tepat pada hari Isnin dalam usia 45 tahun, organisasi Al-Washliyah kehilangan seorang pemimpin yang disegani dan berwibawa.<sup>86</sup>

### 3. Hj. Muhammad Arsyad Thalib Lubis (1908-1972)

#### a. Latar Belakang Keluarga

Beliau dilahirkan pada bulan Oktober 1908 di Stabat<sup>87</sup> dan tinggal di Jalan Sei Kera,<sup>88</sup> lorong Rezeki No. 6 Medan,<sup>89</sup> Ayahnya bernama Thalib bin Hj. Ibrahim berasal dari Kampung Pastab kota Nopan (Tapanuli Selatan) Sumatera Utara, Ibunya bernama Bemama.<sup>90</sup> Arsyad Thalib Lubis menikah dengan Siti Jamah Kamil yang dikurniai tujuh orang anak, tiga lelaki empat perempuan, anak lelaki beliau bernama Hj. Muslim Lubis, Hj. Mukhtar Hanib Lubis, Hj. Hawari Arsyad Lubis. Adapun anak beliau yang perempuan bernama Hjh. Amisah Fahmi Lubis, Hjh. Nur Aziah Hikma Lubis, Khairat Lubis, Husnah Lubis. Sesudah isteri Arsyad Thalib Lubis meninggal pada usia 35 tahun, beliau berkahwin lagi untuk kali kedua. Nama isteri kedua itu ialah Azami dan dikurniakan seorang anak lelaki bernama Ridwan Lubis.<sup>91</sup>

---

<sup>85</sup> Saiful Akhyar Lubis (2008), *op. cit.*, h. 42.

<sup>86</sup> *Sejarah Ulama-Ulama Terkemuka Di Sumatera Utara* (1983), *op. cit.*, h. 300-301.

<sup>87</sup> Ini adalah salah satu daerah kecil iaitu sebuah Kecamatan (Distrik) di Kabupaten Langkat Provinsi Sumatera Utara.

<sup>88</sup> Ini adalah salah satu daerah kecil iaitu sebuah Kecamatan (Distrik) di Kabupaten Medan Perjuangan Bandaraya Medan Provinsi Sumatera Utara.

<sup>89</sup> *Sejarah Ulama-Ulama Terkemuka Di Sumatera Utara* (1983), *op. cit.*, h. 289.

<sup>90</sup> Syahruddin Tanjung, *et al* (1997), *op. cit.*, Juzuk 3 C, h. 44.

<sup>91</sup> Debat Islam-Kristen Tentang Kitab Suci, *Perdebatan Antara al-Ustadz H.M Arsyad Talib Lubis Dengan Pemuka Kristen dr. Sri Hardono Suci* (2002), cet. II, Jakarta : Majlis Dakwah Pengurus Besar Al-Jam'iyyatul Washliyah, h. 29-31.

## **b. Pendidikan**

Syeikh Hj. Muhammad Arsyad Thalib Lubis pernah belajar sekolah yang beraliran akademik dan sekolah beraliran agama sebagai berikut:

- 1) Tamat Sekolah Rendah Umum (*Volgschool*) di Stabat (Provinsi Sumatera Utara).<sup>92</sup>
- 2) Tahun 1917-1920, beliau belajar mengaji al-Qur'an di Madrasah Islam Stabat (Provinsi Sumatera Utara).
- 3) Tahun 1921-1922, belajar di Madrasah Islam di Binjai (Provinsi Sumatera Utara).
- 4) Tahun 1923-1924, beliau belajar di Madrasah 'Ulūmul 'Arabiyyah di Tanjung Balai (Provinsi Sumatera Utara)
- 5) Tahun 1925-1930, beliau belajar di Madrasah Al-Hasanah bersyahadah di Medan.<sup>93</sup>

## **c. Sumbangan Dan Peranannya Dalam Al-Washliyah**

Pada umur 18 tahun, beliau menjadi guru madrasah al-Jam'iyyatul Washliyah. Pada tahun 1926-1930 M.<sup>94</sup> Beliau juga menjadi pensyarah di Universiti al-Washliyah (UNIVA) pada tahun 1958,<sup>95</sup> dan juga menjadi pensyarah di Universiti Islam Sumatera Utara (UISU) di Medan dalam bidang kursus Ilmu Fiqih dan Usul Fiqih. Beliau memperolehi pendidikan bidang Ilmu Fiqih dan Usul Fiqih di Madrasah al-Hasanah yang pada ketika itu sebagai guru besarnya iaitu Syeikh Hasan Ma'sum (1884-1937 M).

---

<sup>92</sup> Penulis tidak mendapatkan data berkaitan dengan tarikh dan tahun waktu beliau belajar di sekolah umum rendah *Volgschool* di Stabat.

<sup>93</sup> *Sejarah Ulama-Ulama Terkemuka Di Sumatera Utara* (1983), *op.cit.*, h. 289. Lihat: Chalidjah Hasanuddin (1988), *op. cit.*, h. 54.

<sup>94</sup> *Debat Islam-Kristen Tentang Kitab Suci* (2002), *op. cit.*, h. 28.

Pada tahun 1930-1956, beliau menjadi anggota al-Jam'iyyatul Washliyah dan akhirnya diberi kepercayaan memegang Jabatan Setiausaha,<sup>96</sup> beliau juga aktif dalam pelbagai kegiatan dakwah di luar struktur al-Jam'iyyatul Washliyah, seperti kegiatan *Zending Islam* dalam rangka mengembangkan syiar Islam. Di daerah Porsea bersama Abdurrahman Syihab untuk menyampaikan syiar-syiar Islam.<sup>97</sup>

#### d. Guru-Guru

Muhammad Arsyad Thalib Lubis belajar pada guru-guru yang terkenal pada masa itu, di antara guru-guru beliau adalah:

1. Syeikh Abdullah Hamid (1865-1928) di Madrasah Ulumul Arabiyah.Tanjung Balai.<sup>98</sup>
2. Syeikh Hasan Maksum (1884-1937) mengambil kursus Tafsir, al-Qur'an dan al-Hadis, juga fiqh di Madrasah Al-Hasaniah.<sup>99</sup>

#### e. Karya-Karyanya

Muhammad Arsyad Thalib Lubis merupakan seorang ulama yang terkenal dengan keilmuannya dalam pelbagai bidang ilmu, baik agama mahupun akademik. Beliau juga aktif dalam mengarang buku-buku, di antara karya-karya beliau yang berbentuk tulisan buku adalah:

1. Rahasia Bibel. firma Islamiyah ( nama penerbit), Medan 1932.

---

<sup>95</sup>M.Hasballah Thaib (1993), *Universitas Al-Washliyah Medan,Lembaga Pengkaderan Ulama Di Sumatera Utara*, Medan: Universitas Al- Washliyah, h. 124.

<sup>96</sup>Ahmad Hamim Azizy (2006), *op. cit.*, h. 88.

<sup>97</sup>*Al-Djmiyatul Washliyah 1/4 abad* (1955), *op. cit.*, h. 42.

<sup>98</sup>*Debat Islam-Kristen Tentang Kitab Suci* (2002), *op. cit.*, h. 27.

<sup>99</sup>*Sejarah Ulama-Ulama Terkemuka Di Sumatera Utara* (1983), *op. cit.*, h. 289.

2. Tuntunan Perang Salib (di waktu perang kemerdekaan 1945), Firma Maju, Medan 1957.
3. Perbandingan Agama Islam dan Kristian. Pustaka Melayu, Kuala Lumpur 1982.
4. Ilmu Pengetahuan Pusaka (*Faraidh*). Sumber Ilmu Jaya, Medan 1953.
5. Imam Mahdi, Firma Islamiyah, Medan 1962.
6. Fatwa (Masalah Tarawih 20 Rakaat). Firma Islamiyah, Medan 1970.
7. Keesaan Tuhan menurut Ajaran Kristian dan Islam (pidato pada Dies-Natalis UNIVA ke-X tahun 1968). Media Dakwa, Jakarta 1968.
8. Pedoman Mati (karangan terakhir) Firma Islamiyah, Medan 1971.<sup>100</sup>

Beliau juga banyak menulis di majalah-majalah dan menjadi penulis tetap di majalah, di antara majalah-majalah tersebut adalah

1. Majalah Medan Islam. Pada Tahun 1935-1942 M.<sup>101</sup>
2. Majalah Dewan Islam. Pada Tahun 1945 M.<sup>102</sup>

#### **f. Wafatnya**

Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis merupakan ulama yang wara<sup>103</sup> dan mempunyai cita-cita yang tinggi untuk kepentingan agama dan bangsa. Pada hari Khamis tarikh 6 Jun 1972, beliau meninggal dunia akibat sakit. Pada masa itu Syeikh Muhammad

<sup>100</sup> *Debat Islam dan Kristen* (2002), *op. cit.*, h. 34-35. Lihat: Saiful Akhyar Lubis (2008), *op. cit.*, h. 80-81. Buku-buku ini merangkumi masalah-masalah yang berhubungan dak'wah Islam, perkembangan zaman dan pendidikan dan Syari'ah. *Ibid.*

<sup>101</sup> Majalah Medan Islam terbit pada tahun 1933, terbitan Majalah Al-Jam'iyyatul Washliyah. lihat: *Al-Djmiyatul Washliyah 1/4 abad* (1955), *op. cit.*, h. 44. Majalah Medan membahas masalah organisasi Al-Jam'iyyatul Washliyah, Dakwa, Pendidikan, Fatwa dan lain-lain, untuk keterangan lanjut lihat: Chalidjah Hasanuddin (1988), *op. cit.*, h. 57-58.


<sup>102</sup> Dewan Islam dan Medan Islam memberi ruang untuk menulis masalah-masalah yang berhubungan dengan agama. Lihat: *Ibid.*, h. 58.

<sup>103</sup>Wara' iaitu: menjauhkan diri segala dosa. Lihat Mahmud Yunus (1990), *op.cit.*, h. 497.

Arsyad Thalib Lubis berumur 63 tahun.<sup>104</sup> Beliau dikebumikan di Jalan Mabar,<sup>105</sup> pada acara pengebumian beliau dihadiri orang ramai dari kalangan tokoh masyarakat, ulama, pejabat pemerintah dan rakyat awam, pada tarikh 7 Jun 1972 M dilaksanakan solat ghaib di masjid-masjid di Jakarta.<sup>106</sup>

#### 2.4.4. Struktur Organisasi Dan Pentadbiran Al-Jam'iyyatul Washliyah

##### STRUKTUR ORGANISASI AL JAM'IYATUL WASHLIYAH



<sup>104</sup> *Debat Islam Dan Kristen* (2002), *op. cit.*, h. 35.

<sup>105</sup> Ini adalah salah satu daerah yakni sebuah kecamatan (distrik) di Kabupaten Marelan Bandaraya Medan, Provinsi Sumatera Utara.

<sup>106</sup> *Sejarah Ulama-Ulama Terkemuka Di Sumatera Utara* (1983), *op. cit.*, h. 294.


**Keterangan:**

Secara garis besar struktur organisasi al-Jam'iyyatul Washliyah di atas dapat di jelaskan iaitu:

- 1) Pengurus Besar (PB) ianya merupakan pimpinan tertinggi Pusat (Pejabat Agung) yang berkedudukan di peringkat Nasional (Ibu Negara Indonesia).
- 2) Pimpinan Wilayah (PW) pimpinan tertinggi di Provinsi.
- 3) Pimpinan Daerah (PD) pimpinan tertinggi di Kabupaten (Daerah).
- 4) Pimpinan Cawangan (PC) pimpinan daerah Kecamatan (Daerah kecil).
- 5) Pengurus Ranting (PR) pimpinan Desa (Kampung).<sup>107</sup>

Setiap peringkat struktur organisasi Al-Jam'iyyatul Washliyah bertanggungjawab program kerja masing-masing, misalnya Pengurus Ranting (PR) bertanggungjawab kepada Pimpinan Cawangan (PC). Begitu juga Pimpinan Cawangan (PC) bertanggungjawab kepada Pimpinan Daerah (PD), begitu juga Pimpinan Daerah (PD), bertanggungjawab kepada Pimpinan Wilayah (PW), begitu juga Pimpinan Wilayah (PW) bertanggungjawab kepada Pengurus Besar (PB).

## BAGIAN PENGURUS BESAR AL WASHLIYAH



### Keterangan:

Dewan Fatwa, Penasihat dan Pertimbangan bertugas memberi fatwa sebagai pedoman penyelesaian persoalan-persoalan organisasi dalam bidang hukum dan keorganisasian.<sup>108</sup> Dewan Fatwa Penasihat dan Pertimbangan merupakan lembaga tertinggi kepengurusan. Berdasarkan rajah di atas jelas bahawa Dewan fatwa penasihat dan pertimbangan berada di pengurus besar (PB). Dalam Pengurus Besar (PB) al-Jam'iyyatul Washliyah terbagi kepada beberapa majlis sebagai berikut;

<sup>107</sup> *Anggaran Dasar Dan Anggaran Rumah Tangga Al-Jam'iyyatul Washliyah* (1997), Jakarta : PB Al-Jam'iyyatul Washliyah, Bab V, fasal 10, tentang Tingkat Pimpinan, h. 28.

<sup>108</sup> *Ibid.*, Bab VI, fasal 11, tentang Dewan Fatwa. h. 9

- a. Majlis Pendidikan dan Kebudayaan.
- b. Majlis Dakwah.
- c. Majlis Kader dan Pengembangan Sumber Daya Manusia Majlis Amal Sosial.
- d. Majlis Pembinaan dan Pengembangan Ekonomi
- e. Majlis Amal Sosial
- f. Majlis Pembinaan dan Pengembangan Ekonomi
- g. Majlis Pengembangan dan Penelitian
- j. Majlis Bantuan Hukum dan Hak Azasi Manusia(HAM).

Stuktur pentadbiran organisasi al-Jam'iyatul Washliyah dikelola beberapa unsur-unsur iaitu; Muktamar, Jawatankuasa Organisasi al-Jam'iyatul Washliyah, iaitu; Pengurus Besar (PB), Pimpinan Wilayah (PW), Pimpinan Daerah (PD), Pimpinan Cawangan (PC), Pimpinan Ranting, Dewan fatwa dan Penasihat, Majlis Al-Washliyah dan organisasi bahagian.

#### **2.4.5. Muktamar**

Muktamar adalah suatu badan pengambilan keputusan bagi organisasi al-Jam'iyatul Washliyah yang dilaksanakan setiap lima tahun sekali. Muktamar mesti diikuti oleh Pimpinan Jawatankuasa Kebangsaan, para anggota-anggota Majlis Fatwa, Pertimbangan dan Penasihat dari Jawatankuasa Kebangsaan, Pengurus Majlis dari Pengurus Besar (PB), Pimpinan Wilayah (PW), Pimpinan Daerah (PD), Pimpinan Cawangan (PC), Pimpinan Ranting dan organisasi bahagian (Ketua Umum dan Setiausaha di Pengurus Besar).<sup>109</sup>

---

<sup>109</sup> *Ibid.*, Bab V11, fasal 20, tentang Muktamar, h. 37.

Keputusan yang diambil dalam muktamar tersebut menjadi pedoman yang harus dipatuhi dan dilaksanakan oleh personalnya yang terlibat dalam organisasi al-Jam'iyyatul Washliyah.<sup>110</sup> Dalam muktamar tersebut, diputuskan hal-hal yang sangat diperlukan untuk mengembangkan organisasi tersebut, dan juga melakukan pemilihan Pengurus Besar (PB) al-Jam'iyyatul Washliyah. Ini merupakan matlamat yang utama dan juga sebagai arena silaturahim bagi warga al-Jam'iyyatul Washliyah. Di samping itu, muktamar juga mesti ikut serta seluruh lapisan masyarakat yang terlibat dalam organisasi tersebut.<sup>111</sup> Ada lima macam fungsi yang dilaksanakan muktamar:

- Meminta laporan pertanggungan jawapan Pengurus Besar (PB) al-Washliyah dalam masa lima tahun.
- Memilih Pengurus Besar (PB) al-Washliyah
- Mengubah dan Menetapkan Anggaran Dasar dan Anggaran Rumah Tangga al-Jam'iyyatul Washliyah.<sup>112</sup>
- Menetapkan pernyataan sikap memberi cadangan (usulan untuk kegiatan organisasi selama lima tahun ke depan) yang berhubungan dengan kehidupan masyarakat berbangsa dan bernegara.
- Menetapkan garis-garis besar program organisasi dari atas (menetapkan program kerja yang akan di jalankan selama lima tahun akan datang), tujuan dan usaha-usaha al-Washliyah.<sup>113</sup>

Dalam muktamar, organisasi al-Washliyah menentukan peraturan-peraturan sebagai berikut, antaranya:

---

<sup>110</sup> Syahrul AR-EL Hadidhy, *et al* (2003), *Pendidikan Ke Al-Washliyahan*, Medan: Majlis Pendidikan dan Kebudayaan Al-Jam'iyyatul Washliyah, h. 1.

<sup>111</sup> *Ibid.*, h. 1.

<sup>112</sup> *Anggaran Dasar Dan Anggaran Rumah Tangga* merupakan sebuah rujukan dalam organisasi ini yang tidak boleh berubah, setelah lima tahun boleh berubah atas persetujuan ahli-ahli jawatankuasa

1. Sebelum muktamar Pengurus Besar (PB) memberi tahu seluruh organisasi al-Jam'iyatul Washliyah waktu dan tempat dilaksanakan muktamar dan kewajiban yang berhubungan dengan muktamar.
2. Cadangan yang akan dibincangkan haruslah lebih dahulu disampaikan kepada Pengurus Besar (PB) al-Washliyah. Cadangan tersebut dengan surat, usul yang lain boleh dibincangkan setelah mendapat persetujuan muktamar.
3. Keputusan diambil dengan keputusan yang majoriti.<sup>114</sup>

Dalam pelaksanaan muktamar tersebut, organisasi al-Jam'iyatul Washliyah membuka ruang kepada masyarakat untuk menghadiri muktamar tersebut. Masyarakat yang menghadiri muktamar terlebih dahulu dijemput oleh Pengurus Besar (PB) al-Washliyah.<sup>115</sup>

Dari pengertian di atas tentang pelaksanaan muktamar yang diikuti oleh masyarakat. Jelaslah organisasi al-Jam'iyatul Washliyah yang memiliki peranan sebagai organisasi kemasyarakatan yang autonomi, masyarakat dan penggerusi organisasi al-Washliyah bekerja sama untuk mencapai visi dan misi pergerakan organisasi tersebut, kehadiran masyarakat dalam muktamar tersebut sebagai peninjau (pemerhati).

---

<sup>113</sup>Keputusan Muktamar Ke XVIII Al-Jam'iyatul Washliyah, Bandung Pada 25-28 Desember 1997, Jakarta: PB Al-Jam'iyatul Washliyah, h. 58-59.

<sup>114</sup> Ibid., h. 59.

<sup>115</sup> Syahrul AR-EL Hadidhy, et al (2003), *op. cit.*, h. 3.

#### **2.4.6. Jawatankuasa Organisasi Al-Jam'iyatul Washliyah**

Al-Washliyah merupakan organisasi ini yang bersifat kemasyarakatan. Jawatankuasa organisasi al-Jam'iyatul Washliyah mempunyai keperibadian yang benar, jujur dan amanah, beriman dan bertakwa kepada Allah S.W.T dan Rasulnya. Untuk menjadi Jawatankuasa organisasi al-Jam'iyatul Washliyah dari peringkat Pengurus Besar (PB), Pimpinan Wilayah (PW), Pimpinan Daerah (PD) Pimpinan Cawangan (PC), Pengurus Ranting (PR). Syarat umum yang wajib dimiliki semua ahli-ahli jawatankuasa organisasi al-Washliyah. Syarat-syarat tersebut sebagai mana yang ditetapkan pada fasil 18 iaitu:

1. Beriman dan bertakwa kepada Allah S.W.T, berakhhlak yang mulia, memiliki dedikasi dan cita-cita yang tinggi terhadap al-Washliyah.
2. Memiliki komitmen yang kuat terhadap perjuangan Islam.
3. Menerima secara ikhlas dan tidak pernah melakukan hal-hal yang bertentangan dengan Anggaran Rumah Tangga al-Washliyah.<sup>116</sup>

Pensyarat khusus yang harus dimiliki calon Presiden (PB) Al-Washliyah dan Setiausaha yang duduk di Jawatankuasa Pusat (Antarabangsa) iaitu:

1. Pernah menjabat Ketua al-Washliyah atau Setiausaha Antarbangsa
2. Pernah menjabat sebagai Majlis Fatwa dan Penasihat.
3. Pernah menjadi Ketua atau Setiausaha di Pimpinan Wilayah (PW).

---

<sup>116</sup> *Anggaran Dasar Dan Anggaran Rumah Tangga Al-Jam'iyatul Washliyah* (1997), op. cit., Bab V, Fasal 18, tentang Persyaratan Menjadi Pemimpin, h. 33-34.

4. Pernah menjabat ahli Jawatankuasa Antarabangsa (PB) al-Washliyah.<sup>117</sup>

Adapun syarat-syarat lain (menjadi Ketua Umum atau Setiausaha) haruslah pernah aktif dalam aktivitinya al-Washliyah, keaktifan mereka dalam mengikuti program tersebut selama 2 tahun.<sup>118</sup>

Jawatankuasa Antarabangsa (PB al-Washliyah di Pusat) berkewajiban menyelidiki dan meneliti segala aspek tentang kemajuan organisasi tersebut, dalam masa lima tahun. Pengurus Besar (PB) al-Washliyah bertanggung jawab kepada muktamar yang dilaksanakan oleh organisasi al-Washliyah. Jawatankuasa Pusat (PB) al-Washliyah mempunyai anggota sekurang-kurangnya 17 orang, iaitu:

1. Ketua Umum ( Presiden)
2. Lima Naib Ketua
3. Setiausaha Agung (Sekretaris Jawatankuasa) dan Empat Naib Setiausaha
4. Bendahari dan Penolong Bendahari
5. Lima Anggota Pengurus Besar (PB).<sup>119</sup>

Jawatankuasa di Peringkat Wilayah (PW) harus memenuhi persyaratan umum<sup>120</sup> dan khusus. Adapun syarat khusus iaitu:

1. Pernah menjabat Ketua al-Washliyah atau Setiausaha di Pimpinan Wilayah (PW).

---

<sup>117</sup> *Ibid.*, Bab V, Fasal 18, tentang Persyaratan Menjadi Pemimpin, h. 34.

<sup>118</sup> *Ibid.*, Bab V, Fasal 18, tentang Persyaratan Menjadi Pemimpin, h. 35.

<sup>119</sup> *Keputusan Muktamar Ke XVIII Al-Jam'iyyatul Washliyah*, Bandung Pada 25-28 Desember 1997, *op . cit.*, h. 41.

<sup>120</sup> Syarat umum yang wajib dimiliki semua ahli-ahli jawatankuasa organisasi Al-Washliyah, syarat-syarat tersebut sebagai mana yang ditetapkan pada fasal 18 *Anggaran Dasar Dan Anggaran Rumah Tangga Al-Jam'iyyatul Washliyah* (1997) *op . cit.*, fasal 18, tentang Persyaratan Menjadi Pemimpin.

2. Pernah menjadi anggota organisasi al-Jam'iyyatul Washliyah di Pimpinan Wilayah (PW).
3. Pernah menjadi Ketua Umum atau Setiausaha Agung (Seketari Jeneral) di Pimpinan Daerah (PD).
4. Pernah menjabat Ketua Umum atau Setiausaha Organisasi Bahagian al-Washliyah.<sup>121</sup>

Adapun Jawatankuasa Peringkat Wilayah (PW) mempunyai anggota sekurang-kurangnya 15 orang, iaitu:

1. Ketua Umum
2. Empat Naib Ketua
3. Setiausaha Agung (Seketari Jeneral) dan Empat Naib Setiausaha
4. Bendahari dan Penolong Bendahari
5. Beberapa Anggota Pimpinan.<sup>122</sup>

Untuk keterangan lebih lanjut jawatankuasa (PD) sampai peringkat (PR) Pensyaratan khusus yang harus dimiliki calon Presiden atau Setiausaha dan anggota anggota Jawatankuasa tersebut lihat *Angaran Dasar dan Anggaran Rumah Tangga Al-Jam'iyyatul Washliyah* (1997) dan *Keputusan Muktamar Ke XVIII Al-Jam'iyyatul Washliyah*, Bandung pada 25-28 Desember 1997. Jawatankuasa peringkat antarbangsa sampai ke peringkat bawah ranting mempunyai masa kerja jaya masing-masing. Adapun jawatankuasa peringkat antarbangsa program kerjanya selama lima tahun dan jawatan kuasa peringkat provinsi sampai ke peringkat ranting, program kerja jayanya selama tiga tahun.

## 2.4.7 Majlis Dewan Fatwa, Penasihat Dan Pertimbangan

Majlis Fatwa al-Jam'iyatul Washliyah pertama kali dibentuk pada tahun 1933 M. Anggota Majlis Fatwa al-Jam'iyatul Washliyah terdiri daripada beberapa orang, antaranya.<sup>123</sup>

- 1 Hj. Ilyas.<sup>124</sup>
- 2 Hj. Muhammad Ismail Lubis.<sup>125</sup>
- 3 Hj. Muhammad Yunus.<sup>126</sup>
- 4 Hj. A. Malik.<sup>127</sup>

Pada ketika itu, Dewan Fatwa al-Jam'iyatul Washliyah belum tersusun carta organisasi susunan pimpinan secara baik. Akan tetapi di hanya terdiri dari anggota sahaja.<sup>128</sup>

Pada saat sekarang susunan Dewan Fatwa al-Jam'iyatul Washliyah terdiri daripada:

---

<sup>121</sup> *Ibid.*, tentang Persyaratan Menjadi Pemimpin, h. 34.

<sup>122</sup> *Ibid.*, Bab V, Fasal 11, tentang Pemimpin Wilayah, h. 28.

<sup>123</sup> *Al-Djmiyatul Washliyah 1/4 abad* (1955), *op. cit.*, h. 44

<sup>124</sup> Beliau lahir 1882 di kampung Sabadjior (kecamatan Penyambungan, Tapanuli Selatan, Provinsi Sumatera Utara, beliau seorang guru yang terkenal mengajar di Maktab Al-Chairijah di Deli Tua, Madrasah tersebut yang paling tertua Sumatera Timur (Sumatera Utara), pada tahun 1934-1936 Hj. Ilyas menjabat sebagai Dewan Penasihat Al-Washliyah, pada tahun 1936 beliau wafat. Untuk keterangan lanjut lihat: *Ibid.*, h. 410-411.

<sup>125</sup> Beliau lahir pada tahun 1900, Hj. Muhammad Ismail Lubis pernah belajar di Maktab Islamiyah Tapanuli (MIT) di Medan, jabatan beliau di organisasi Al-Washliyah sebagai Setiausaha, pada tahun 1937 beliau wafat. *Ibid.*, h. 411-412.

<sup>126</sup> Beliau lahir pada tahun 1889 di Binjai (kabupaten Langkat, Provinsi Sumatera Utara), bilau ulama yang terkenal di Indonesia. Hj. Muhammad Yunus menamatkan pelajarannya di Binjai Langkat di peringkat sekolah rendah aliran umum, dan melanjutkan sekolah agama di Babus Salam (Binjai Langkat), untuk memperdalam Ilmu Fiqih dan Mantiq (Logik), pada tahun 1909 beliau melanjut pelajaran di Kedah (Malaysia), sesudah beberapa tahun belajar di Kedah, beliau belajar di Mekkah, sesudah menamatkan pelajaran di Mekkah, Syekh Hj. Muhammad Yunus melanjutkan pelajaran lagi di Penang (Malaysia) untuk mempelajari Ilmu Tasawuf, sesudah beberapa tahun belajar di Penang, beliau kembali ke Medan untuk menjadi guru di Maktab Islamiyah Tapanuli (MIT), pada tahun 1950, beliau meninggal dunia dalam usia 52 tahun, untuk keterangan lanjut lihat: Chalidjah Hasanuddin (1988), *op. cit.*, h. 20-23.

<sup>127</sup> Beliau lahir pada tahun 1825 nama sebenar Abdul Malik lahir di Muara Mais (Kecamatan Bandar Nopan, Tapanuli Selatan, Provinsi Sumatera Utara, beliau sangat aktif menjalankan dakwah di daerah Tapanuli selatan, dan sebagai guru agama yang terkenal di Sumatera Timur, pada tahun 1910 beliau meninggal dunia, untuk keterangan lanjut lihat: *Sejarah Ulama-Ulama Terkemuka Sumatera Utara* (1983), *op. cit.*, h. 35-40.

<sup>128</sup> *Al-Djmiyatul Washliyah 1/4 abad* (1955), *op. cit.*, h. 44.

- 1) Ketua
- 2) Empat Naib Ketua
- 3) Setiausaha Agung
- 4) Beberapa Anggota.<sup>129</sup>

Dalam fasal 11 ahli-ahli jawatankuasa dewan fatwa, penasihat dan pertimbangan berfungsi sebagai berikut:

1. Dewan Fatwa adalah badan bermusyawarahnya ulama cerdik pandai, mereka memberi fatwa dalam bidang hukum dan organisasi.
2. Ketua dan Naib Ketua Dewan Fatwa disusun oleh hasil muktamar, sedangkan Setia usaha dan anggota-anggotanya disusun oleh Ketua Dewan Fatwa, Penasihat dan Pertimbangan.
3. Dewan Fatwa, Penasihat dan Pertimbangan berhak memberi nasihat kepada PB Al-Washliyah.
4. Dewan Fatwa, Penasihat dan Pertimbangan memutuskan suatu hukum dan masalah-masalah organisasi Al-Washliyah.<sup>130</sup>

Dari pernyataan di atas jelaslah, Dewan Fatwa, Penasihat dan Pertimbangan suatu badan yang tertinggi yang berfungsi memberi pandangan atau gagasan tentang perkembangan organisasi al-Washliyah dalam muktamar, memberi nasihat kepada PB al-Washliyah tentang hasil kerja mereka selama 5 tahun dan juga memberi pandangan atau memutuskan suatu hukum yang belum jelas hukumnya. Juga ianya bertugas mengeluarkan fatwa mengenai masalah hukum-hukum yang terjadi di masyarakat.

---

<sup>129</sup>Keputusan Muktamar Ke XVIII Al-Jam'iyatul, Bandung Pada 25-28 Desember 1997, op. cit., h. 41-43.

#### **2.4.8 Majlis Al-Washliyah**

Untuk melancarkan program kerja al-Washliyah. Maka di bentuk Majlis semua peringkat dari Pengurus besar (PB) sampai Pengurus Daerah (PD).<sup>131</sup> Majlis tersebut iaitu:

##### **1. Majlis Pendidikan dan Kebudayaan**

Adapun fungsi Majlis Pendidikan dan Kebudayaan berhubungan dengan masalah-masalah Pendidikan dan Kebudayaan. Majlis tersebut menjalankan usaha-usaha bidang pendidikan dengan mendirikan madrasah atau sekolah dari jenjang (peringkat) prasekolah sampai jenjang pendidikan perguruan tinggi dan membina dan mengembangkan kebudayaan yang sesuai dengan ajaran Islam.<sup>132</sup>

##### **2. Majlis Dakwah**

Majlis Dakwah organisasi al-Jam'iyyatul Washliyah menjalankan aktiviti dakwah Islamiyah dikalangan masyarakat, dengan metode dalam bentuk:

- a) Tabligh iaitu: dakwah yang dilaksanakan dalam bentuk penerangan, penyuluhan dan penyiaran agama Islam.
- b) Dakwa Bil-Hal iaitu: dakwah yang dilaksanakan dengan perbutan nyata seperti membagun rumah ibadah, membentuk Majlis Ta'lim dan lain-lain.

---

<sup>130</sup> Anggaran Dasar Dan Anggaran Rumah Tangga Al-Jam'iyyatul Washliyah (1997), *op. cit.*, Bab VI, Fasal 11, tentang Dewan Fatwa, h. 9-10.

<sup>131</sup> Majlis al-Washliyah iaitu: suatu lembaga (badan) yang berfungsi membantu pimpinan organisasi sesuai dengan tingkatannya masing-masing. Dengan kata lain Majlis merupakan mengatur program kerja al-Washliyah selama lima tahun hadapan contoh Majlis Pendidikan dan Kebudayaan program kerja masalah-masalah yang berhubungan Pendidikan dan Kebudayaan. Lihat: Syahrul AR-EL Hadidhy, *et al* (2003), *op. cit.*, h. 11.

<sup>132</sup> Anggaran Dasar Dan Anggaran Rumah Tangga Al-Jam'iyyatul Washliyah (1997), *op. cit.*, Bab III, fasal 7, tentang Majlis-Majlis, h. 21-22.

- c) Dakwah Khusus iaitu: dakwah yang dilakukan dengan cara penyampaian ajaran-ajaran Islam. Para da'i berusaha meyakin masyarakat kebenaran ajaran-ajaran Islam seperti menyeru masyarakat yang belum beragam agar memeluk agama Islam.<sup>133</sup>

### **3. Majlis Amal Sosial**

Majlis ini berfungsi dalam menjalankan usaha-usaha bidang amal. Seperti pengasuhan pendidikan serta pengajaran anak-anak miskin dan anak yatim piatu, usaha tolong-menolong untuk masyarakat khususnya warga al-Washliyah dan mendirikan serana tempat ibadah.

### **4 . Majlis Kader dan Pengembangan Sumber Daya Manusia**

Majlis ini berfungsi menjalankan kiprahnya dengan mendidik para pelajar Al-Washliyah agar berproduktif sesuai dengan bidang masing-masing. Contohnya: bagi pelajar agama di usahakan agar betul-betul menguasai bidang agama, bagi pelajar umum betul-betul menguasai dalam bidang umum.

### **5. Majlis Pembinaan dan Pengembangan Ekonomi**

Majlis ini berfungsi menumbuhkan dan mengembangkan usaha-usaha dalam bidang ekonomi seperti mendirikan Bank dan Koperasi, yang bertujuan untuk meningkatkan taraf hidup masyarakat khususnya warga al-Washliyah.

---

<sup>133</sup> Sahyru AR EL-Hadidhy, *et al* (2005), *op. cit.*, h. 61.

## **6. Majlis Penyelidikan dan Pengembangan**

Majlis ini berfungsi dalam melaksanakan penyelidikan dan pengembangan ilmu pengetahuan dan teknologi (IPTEK) serta pembinaan iman dan taqwa (IMTAQ) dalam pengembangan sosial kemasyarakatan, pada bahagian lain majlis ini juga berperan dalam melaksanakan penelitian hasil produksi makanan dan minuman yang diragukan kehalalanya bekerjasama dengan kementeriant terkait serta mengkaji masalah-masalah keislaman.<sup>134</sup>

Menurut hasil Muktamar al-Washliyah yang ke XIX di Jakarta telah di tetapkan penambahan satu Majlis iaitu: Majlis Bantuan Hukum dan Hak Azasi Manusia (HAM). Majlis tersebut berfungsi; membentuk lembaga bantuan hukum (Guambela), memberi pelayanan dan bantuan hukum kepada masyarakat. Seterusnya, tugas Majlis ini memberi penerangan dan pembelajaran kepada masyarakat dan warga al-Washliyah tentang kesadaran hukum yang harus di patuhi yang telah di tetapkan oleh Pemerintah ( Kerajaan) Indonesia.<sup>135</sup>

Dalam kesemua Majlis di atas, al-Jam'iyyatul Washliyah memfokuskan tiga Majlis sahaja iaitu : Majlis Pendidikan, Majlis Dakwah, dan Majlis Amal Sosial. Hal ini sesuai dengan matlamat organisasi untuk menciptakan nama baik seluruh lapisan masyarakat.<sup>136</sup>

---

<sup>134</sup>Anggaran Dasar Dan Anggaran Rumah Tangga Al-Jam'iyyatul Washliyah (1997), *op. cit.*, Bab III , fasal 7, tentang Majlis-Majlis, h. 22-24.

<sup>135</sup> Sahyrul AR EL-Hadidhy, *et al* (2005), *op. cit.*, h. 64.

<sup>136</sup> *Ibid.*, h. 54-55.

## **A. Majlis Pendidikan Dan Kebudayaan**

Majlis ini membawahi masalah pengajaran dan kebudayaan.<sup>137</sup> Cita-cita al-Jam'iyyatul Washliyah melibatkan diri dalam masalah pendidikan merupakan fokus yang utama yang mana pada awalnya berdirinya organisasi tersebut membangun lembaga pendidikan madrasah-madrasah sahaja. Kerana perkembangan zaman al-Jam'iyyatul Washliyah mendirikan institusi pendidikan akademik (sekolah-sekolah umum), sampai perguruan tinggi. Dalam bidang agama dan umum untuk merealisasikan program kerja di bidang pendidikan, maka dibentuklah suatu badan yang mengatur pendidikan iaitu ‘’Majlis Pendidikan dan Kebudayaan (MPK) al-Washliyah’’.<sup>138</sup>

Pendidikan merupakan salah satu aktiviti al-Washliyah dengan matlamat pembinaan, pengelolaan dan pengembangan. Maka dari itu, al-Washliyah membentuk Majlis Pendidikan dan Kebudayaan agar terwujudlah sistem pendidikan yang terorganisir. Menurut Anggaran Dasar al-Washliyah fasal 6 bahawa bentuk dan tugasnya (MPK) sebagai berikut:

- a. Mendirikan madrasah-madrasah, pondok dan perguruan-perguruan yang bersifat agama dan umum yang berkualiti.
- b. Memimpin dan mengatur kesempurnaan dan jalannya pendidikan dan pengajaran pada perguruan-perguruan al-Washliyah dalam segala jenis tingkat madrasah, sekolah, pondok dan pasca siswazah.
- c. Menyiapkan dan menyediakan tenaga pendidik yang berkualiti sesuai dengan bidang masing-masing.

---

<sup>137</sup>M.Hasballah Thaib (1993), *op. cit.*, h. 32.

- d. Mengadakan dan mengusahakan biasiswa dan bekerja sama dengan lembaga pendidikan.
- e. Membina dan mengembangkan kebudayaan Islam.
- f. Mendirikan perpustakaan untuk keperluan pelajar-pelajar.<sup>139</sup>

Sesuai dengan tugas Majlis Pendidikan dan Kebudayaan (MPK) tersebut di atas, jelaslah MPK diberi wewenang dan tanggungjawab mengurus dan mengatur pendidikan, pengajaran dan kebudayaan al-Washliyah. Selanjut, ianya bertugas memilih tenaga pengajar yang profesional dan mengangkat guru besar dan rektor di institusi-institusi pendidikan al-Washliyah. Juga ianya bertugas mengatur kurikulum pelajaran di lembaga pendidikan yang beraliran akademik dan beraliran agama, membuat kalender pendidikan (ujian, jadual pembelajaran, hari cuti), memberi izin pembangun sekolah dan madrasah, mengatur sistem pembelajaran.<sup>140</sup> Struktur atau tingkatan Majlis Pendidikan dan Kebudayaan (MPK) al-Washliyah sebagai berikut:

1. Majlis Pendidikan dan Kebudayaan (MPK) Pengurus Besar (PB).

Majlis tersebut berkedudukan di peringkat Antarabangsa (peringkat Nasional), dengan tugas pokok, menyusun peraturan tentang pendidikan Al-wasliyah, mengatur dan menangani pendidikan tinggi Al-wasliyah, serta membina secara umum pendidikan, pengajaran dan kebudayaan.

---

<sup>138</sup> Syahrul AR EL- Hadidhy, *et al* (2003), *op. cit.*, h. 17-18.

<sup>139</sup> Keputusan Muktamar Ke XVIII Al-Jam'iyyatul Washliyah, Bandung Pada 25-28 Desember 1997, *op. cit.*, h. 70.

<sup>140</sup> Syahrul AR EL-hadidhy, *et al* (2003), *op. cit.*, h. 19.

2. Majlis Pendidikan dan Kebudayaan (MPK) Pimpinan Wilayah (PW).

Majlis tersebut berkedudukan di Provinsi-provinsi seluruh Indonesia, dengan tugas pokok, membina secara umum pendidikan, pengajaran dan kebudayaan di al-Washliyah, mengatur penyelenggaraan pendidikan untuk peringkat sekolah menengah rendah dan menengah atas, baik aliran agama, maupun aliran akademik (umum) iaitu, SLTP/MTs dan SMU, SMK, Aliyah dan sejenisnya.<sup>141</sup> Termasuk mengangkat dan memberhentikan guru kepala sekolah, serta menjadi penyelenggara bagi pesantren (Ma'had) al-Washliyah.

3. Majlis Pendidikan dan Kebudayaan (MPK) Pimpinan Daerah (PD).

Yang berkedudukan di peringkat Kecamatan (Distrik) seluruh Indonesia dengan tugas pokoknya iaitu, membina secara umum pendidikan, pengajaran dan kebudayaan di daerahnya, mengatur menyelenggarakan pendidikan untuk tingkat Tadika (Prasekolah), Sekolah Rendah, termasuk mengangkat dan memberhentikan kepala sekolahnya, serta menjadi penyelenggara bagi semua jenis jenjang pendidikan dasar dan menengah.

4. Majlis Pendidikan dan Kebudayaan (MPK) Pimpinan Cawangan (PC).

Majlis tersebut berkedudukan di desa-desa (kampung) seluruh Indonesia, dengan tugas pokoknya iaitu: mengatur dan mengurus sebagai penyelenggara pendidikan untuk tingkatan pendidikan dasar dan menengah.<sup>142</sup>

Adapun Misi dan Visi al-Jam'iyyatul Washliyah, Misi pendidikan al-Jam'iyyatul Washliyah ialah melaksanakan segala bentuk pendidikan formal maupun informal menuju kepada mengangkat harkat dan martabat Islam dan umat Islam. Adapun Visi pendidikan al-Jam'iyyatul Washliyah meyiapkan generasi Islam yang berwawasan dalam

rangka membangun masyarakat Indonesia yang berilmu dan berakhhlak mulia.<sup>143</sup> Pada tahun 2009, di Sumatera Utara terdapat 157 unit institusi pendidikan umum, sedangkan jumlah institusi pendidikan agama (madrasah) berjumlah 461 unit dan 4 unit perguruan tinggi<sup>144</sup>.

## B. Majlis Dakwah

Sebelum memasuki kepada pembahasan, terlebih dahulu penulis menerangkan definisi dakwah. Dakwah berasal dari bahasa Arab mengandung erti: seruan, memanggil, memperkenankan, menyeru dan undangan.<sup>145</sup> Adapun definisi dakwah dalam Islam, ada beberapa pendapat ulama-ulama. Menurut pendapat Yūsuf al-Qardāwi bahawa dakwah adalah mengajak ke agama Allah (Islam), mengikuti petunjuknya dan melaksanakan ketetapan Allah S.W.T di bumi ini, begitu mengkhususkan segala bentuk perhambaan diri dan permohonan dan taat kepada Allah sahaja, menyuruh kepada kebaikan dan meninggalkan segala kemungkaran dan berjihad ke jalan Allah.<sup>146</sup>

Menurut Adām ‘Abd Allāh al-‘Alwī bahawa dakwah ialah memalingkan pandangan dan pemikiran manusia kepada pandangan dan pemikiran akidah, kerana dakwah merupakan menyelamatkan manusia dari jalan kesesatan yang menyebabkan manusia hampir terjerumus ke dalamnya.<sup>147</sup> Sedangkan menurut ‘Abd Rahmān al-Madāni bahawa dakwah ialah mengajak manusia dengan kesungguhan dan menggalakkan manusia

---

<sup>141</sup> Yang sederajat seperti Madrasah Al-Qismual‘Aly, (MAQ) dan Madrasah Aliyah Mu'allimin (MAM) tajaan Al-Jam'iyyatul Washliyah di Medan.

<sup>142</sup> Syahrul AR El-hadidhy, *et al* (2003), *op. cit.*, h. 19-21.

<sup>143</sup> M.Ridwan Ibrahim Lubis (2006), *Visi dan Misi Pendidikan Al-Washliyah dan Permasalahannya*, Jakarta: Pengurus Besar (PB) Al-Jam'iyyatul Washliyah, h. 6-7.

<sup>144</sup> Biro Pendidikan dan Kebudayaan (PW ) Al-Jam'iyyatul Washliyah Medan, Sumatera Utara.

<sup>145</sup> Ibn manzūr (1990), *Lisān al-‘Arāb*, j.14, Bairut: Dār Sadar, h. 257-258.

<sup>146</sup> Yusūf al-Qardāwi (1978), *Shaqfah al-Da'yal*, j.1, Birut: Dār Ihyā', h. 5.

kepada agama Islam dari segala aspek akidah, perkataan dan amalan.<sup>148</sup> Di dalam al-Qur'an dijelaskan pengertian dakwah, firman Allah SWT iaitu Surah al-Nahl (16): 125

Maksudnya:

"Serulah ke jalan Tuhanmu (Wahai Muhammad) dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran Yang baik, dan berbahaslah dengan mereka (yang Engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik; Sesungguhnya Tuhanmu Dia lah jua Yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalannya, dan Dia lah jua Yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk".<sup>149</sup>

Dari definisi dakwah di atas, penulis simpulkan bahawa dakwah ertiannya usaha yang dilakukan manusia untuk merubah situasi yang negatif kepada yang positif, memindahkan keadaan manusia dari alam fikiran kekafiran kepada iman kepada Allah dengan cara hikmat dan bijaksana. Tugas dakwah merupakan kewajiban para Rasul, sungguh Allah mengutus para Rasul dan menurunkan kitab-kitab kepada semua Rasul untuk mengajak manusia beriman kepada Allah sahaja, mengajarkan kepada umat berhubungan dengan kebaikan, berubah tingkah laku manusia kepada yang baik dengan memberi arahan untuk mencapai kebahagiaan dunia dan akhirat.<sup>150</sup> Kemudian kewajiban dakwah dibebankan kepada para sahabat penerus dan umat Islam yang mampu melaksanakannya.<sup>151</sup>

Pada tahun 1932, organisasi al-Jam'iyyatul Washliyah telah berhasil menyampaikan dakwah (tabligh) di tengah-tengah masyarakat. Organisasi ini telah berjasa besar untuk umat Islam menyampaikan dakwah di Bandar Porsea,<sup>152</sup> Stabat dan daerah-daerah pesisir

<sup>147</sup> Adām 'Abd Allāh al-'Alwī (1989), *Tārikh al-Da'wah al-Islāmiyyah Bainā al-'Ams ilā al-Yaum*, Lubnan: Maktabah Al-Hayā'ah, h. 17.

<sup>148</sup> Abd al-Rahmān al-Madānī (1996), *Fiqh al-Da'wah ilā Allāh*, j.1, Damsik: Dār al-Qalam, h. 16.

<sup>149</sup> Abdullah bin Muhammad Basmih (1988), *op. cit.*, h. 543.

<sup>150</sup> Muhammad 'Abd Al-Qadīr Abū Al-Fārisī (1998), *Usūl fī al-Da'wah wa al-Wasīl Nasīḥā*, Jordan: Dār al-Furqān, h. 13.

<sup>151</sup> Syahruddin Tanjung, *et al* (1997), *op. cit.*, Juzuk. 3B, h. 12.

<sup>152</sup> Sebuah Kabupaten Toba Simosir Provinsi Sumatera Utara.

Asahan<sup>153</sup> serta pulau Nias,<sup>154</sup> daerah Simalungun<sup>155</sup> dan daerah lain di wilayah Indonesia.<sup>156</sup> Pada tahun 1934, al-Jam'iyatul Washliyah telah berhasil menumbuhkan institusi pendidikan tingkat menengah umum (HIS).<sup>157</sup> Pada tahun berikut 1935, didirikan (HIS) yang satu lagi di Tambunan (Porsea),<sup>158</sup> pada tahun 1937 didirikan (HIS) di Porsea dan sekitar.

Pada tahun 1941, pengurus besar (PB) al-Washliyah mendirikan *Zending Islam al-Washliyah* dengan nama *Majlis Tinggi Penyiaran Islam Indonesia* yang diketuai oleh Hj. Abdurrahman Syihab (1910-1955) dan terakhir *Zending*<sup>159</sup> Islam diketuai oleh guru kitab Sibarani<sup>160</sup> dengan menukar nama menjadi Majlis Dakwah. Di antara pemimpin dan pejuang yang banyak berjasa menyebarkan agama Islam dengan dakwah di antara mereka :

1. Hj. Muhammad Arsyad Thalib Lubis (1908 – 1972)
2. Hj. Muhammad Yaqup (1953)
3. Hj. Bahrum Jamil lahir (1924)
4. Hj. Udin Syamsuddin lahir (1907).<sup>161</sup>

Salah satu keberhasilan para tokoh dakwah tersebut, seperti: Syeikh Hj. Muhammad Arsyad Thalib Lubis, pada tahun 1972 M beliau telah berhasil mengislamkan

---

<sup>153</sup> Daerah pesisir Kabupaten Asahan Provinsi Sumatera Utara.

<sup>154</sup> Sebuah kabupaten (bandaraya) di Provinsi Sumatera Utara.

<sup>155</sup> Sebuah kabupaten (bandaraya) di Provinsi Sumatera Utara.

<sup>156</sup> Abu Bakar Ya'cub (1975), *Sejarah Maktab Islamiyyah Tapanuli*, T.T.P. h. 28.

<sup>157</sup> *Al-Djamijatul Washliyah 1/4 abad* (1955), *op. cit.*, h. 51.

<sup>158</sup> *Ibid.*, h. 66.

<sup>159</sup> *Zending* ialah misi agama Islam untuk menyebarkan Islam kepada orang-orang yang belum beragama Islam. *Ibid.*, h. 317

<sup>160</sup> Beliau seorang mualaf, pada tahun 1934 beliau di percahayai menjabat sebagai Ketua Umum (Presiden) Al-jam'iyatul wasliyah di Porsea, beliau aktif berdakwa di Tanah Batak (Tapanuli Utara Kabupaten Simosir, Toba Simosir, Humbang Hasundutan) dan Karo (Bandar Kabanjahe, Provinsi Sumatera. *Ibid.*, h. 322 .

<sup>161</sup> Syahruddin Tanjung, *et al* (1997), *op. cit*, Juzuk 3B, h. 12-13.

200 orang penduduk tanah Karo.<sup>162</sup> Termasuk keberhasilan al-Jam'iyyatul Washliyah dalam menyampaikan dakwah Islamiah di tanah Karo.<sup>163</sup> Hal ini terbukti penduduk di daerah tersebut sudah beragama Islam sebanyak 40%, beragama Katolik dan Protestan sebanyak 40 %, sedangkan bakinya 10 % tidak memiliki agama.<sup>164</sup>

Dakwah al-Jam'iyyatul Washliyah mencapai kemuncaknya bertepatan pada tahun 1962-1972 M. Tahap ini merupakan tahap perluasan misi *zending* dan penyiaran Islam dengan berdakwah, keberhasilan tersebut dibantu oleh para tokoh masyarakat, ulama, pelajar, mahasiswa serta puteri dan juga pemuda al-Jam'iyyatul Washliyah berusaha keras menyiarkan agama Islam di tempat-tempat terasing (pedalaman) seperti di pergunungan Tanah Karo, Dairi,<sup>165</sup> Kepulauan Mentawai<sup>166</sup> dan Irian Jaya.<sup>167</sup>

### C. Majlis Amal Sosial

Sebahagian dari aktiviti al-Jam'iyyatul Washliyah untuk meningkat program pendidikan untuk masyarakat. Maka dari itu, Al-Washliyah telah membentuk suatu Majlis Amal Sosial, yang mana salah satu usahanya dalam bidang pendidikan iaitu memberi pelayanan pendidikan kepada anak yatim piatu dan fakir miskin. Hal ini terterah pada fasal 7 *Anggaran Dasar Rumah Tangga* tentang Majlis Amal Sosial.<sup>168</sup>

---

<sup>162</sup> *Sejarah Ulama-Ulama Terkemuka Di Sumatera Utara* (1983), *op. cit.*, h. 293.

<sup>163</sup> Tanah Karo ; sebuah kabupaten (bandaraya) di Sumatera Utara

<sup>164</sup> Syamsuddin Ali Nasution (1999), *Al-Jam'iyyatul Al-Washliyah Dan Peranannya Dalam Dakwah Islamiyah Indonesia*, Tesis Ph.D. Fakulti Sastera, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, h. 171.

<sup>165</sup> Sebuah kabupaten (bandaraya) di Sumatera Utara.

<sup>166</sup> Sebuah kabupaten (bandaraya) di Sumatera Utara.

<sup>167</sup> M.Hasbullah Thaib (1993), *op. cit.*, h. 73.

<sup>168</sup> *Anggaran Dasar Dan Anggaran Rumah Tangga Al-Jam'iyyatul Washliyah* (1997), *op. cit.*, Bab III, fasal 7, tentang Majlis-Majlis, h. 22.

Mendidik fakir miskin dan yatim piatu, ini merupakan anjuran Allah SWT dan Rasulnya, barang siapa yang mengabaikan mereka, maka orang tersebut termasuk pendusta agama, hal tersebut banyak kita jumpai dalam Firman Allah SWT dalam Surah al-Ma'un(107) :1-3 :

Maksudnya:

"Tahukah Engkau akan orang yang mendustakan agama (meliputi hari pembalasan)? orang itu ialah yang menindas serta berlaku zalim kepada anak yatim, dan ia tidak menggalakkan untuk memberi makanan yang berhak diterima oleh orang miskin.<sup>169</sup>

Dari Firman Allah SWT di atas, maka jelaslah menyantuni fakir miskin dan membantu mereka merupakan kewajipan yang harus kita laksanakan. Hal tersebut menjurus kepada kebaikan masyarakat dan perikemanusiaan sebagai hamba Allah SWT. Dalam bidang ini, al-Jam'iyyatul Washliyah berusaha melaksanakan program tersebut, sekaligus memberi bantuan segala keperluan mereka.<sup>170</sup> Untuk menampung anak-anak miskin dan anak-anak yatim piatu maka di dirikan madrasah (sekolah rendah agama) khusus bagi fakir miskin dan anak yatim madrasah. Madrasah tersebut dibangun di Jalan Sisingamangaraja Medan dirasmikan pada 1hb April 1934 M, atas usaha organisasi al-Jam'iyyatul Washliyah mendapat pujian masyarakat sekitarnya.<sup>171</sup>

Selepas itu, organisasi al-Jam'iyyatul Washliyah telah berhasil mendirikan panti asuhan (asrama) yang dilengkapi dengan madrasah (sekolah rendah agama) lagi khusus untuk anak yatim dan fakir miskin terletak di Bandar Medan di Jalan Ismailiyah.

---

<sup>169</sup> Abdullah bin Muhammad Basmih (1988), *op. cit.*, h. 1439.

<sup>170</sup> Rosyidin (1986), *op. cit.*, h. 31.

<sup>171</sup> *Al-Djamijatul Washliyah 1/4 abad* (1955), *op. cit.*, h. 45.

Madrasah tersebut berdiri pada tahun yang sama.<sup>172</sup> Atas bantuan masyarakat yang dermawan, pembangunan madrasah tersebut secara bergotong-royong dikerjakan oleh ulama-ulama, guru-guru, pengurus dan murid-murid.<sup>173</sup>

Berikutnya berdiri asrama untuk anak miskin dan anak yatim piatu bertempat di Pulo Brayan.<sup>174</sup> Pada tarikh 29 Mei 1938,<sup>175</sup> pembangunan asrama-asrama tersebut atas kerja sama warga Al-Jam'iyyatul Washliyah. Untuk merealisirkan program kerja pemeliharaan anak miskin dan anak yatim piatu, maka di bentuklah suatu jawatankuasa yang dikenal dengan nama *Majlis Pemeliharaan Anak-Anak Miskin dan Yatim*.<sup>176</sup> Majlis tersebut di bentuk pada 29 Julai 1934 di Medan (Sumatera Utara).<sup>177</sup> Usaha memelihara anak yatim dan anak miskin cukup memuaskan, dengan membangun asrama-asrama anak yatim dan fakir miskin di Medan bahkan sampai di daerah-daerah lain lagi.<sup>178</sup> Merujuk kepada daftar asrama anak yatim dan fakir miskin yang milik al-Jam'iyyatul Washliyah di Sumatera utara iaitu:

**Jadual 2.5. Daftar Panti Asuhan Anak Yatim dan Anak Miskin Milik AlWashliyah Wilayah Sumatera Utara**

No	Daerah	Jumlah Panti Asuhan	Jumlah anak yatim/miskin
1	MEDAN	4 buah	756
2	DELI SERDANG	16 buah	152
3	ASAHDAN	1 buah	55
4	LANGKAT	2 buah	312

**Data: Usman Batubara Majlis Sosial Al-Washliyah Wilayah Medan, Sumatera Utara Indonesia tahun 1991.**

<sup>172</sup> Asrama di Jalan Sisingamangaraja Medan hangus terbakar oleh penjajah Belanda,maka di bangunlah asrama di Jalan Ismailiyah Medan. Lihat: Syahrul AR El-Hadidhy, *et al* (2003), *op. cit.*, h. 35.

<sup>173</sup> *Al-Djamijatul Washliyah 1/4 abad* (1955), *op. cit.*, h. 46.

<sup>174</sup> Kecamatan (Distrik) Medan Barat, Bandaraya Medan, Provinsi Sumatera Utara.

<sup>175</sup> Syahrul AR EL-Hadidhy, *et al* (2003), *op. cit.*, h. 35.

<sup>176</sup> Dahulu bernama *Majlis Pemeliharaan Anak-Anak Miskin dan Yatim*, ,

<sup>177</sup> *Al-Djamijatul Washliyah 1/4 abad* (1955), *op. cit.*, h. 50.

Data di atas, sebahagian asrama-asrama yang telah dibangun organisasi al-Washliyah. Masih banyak lagi asrama-asrama yang telah dibangun al-Washliyah untuk fakir miskin anak yatim di seluruh Indonesia. Adapun asrama untuk fakir miskin yang terdapat di Jalan Ismailiyah di Medan, tetap beroperasi sampai sekarang, terdapat dua asrama untuk fakir miskin, anak yatim dan orang yang terlantar khusus untuk laki-laki sahaja.<sup>179</sup> Asrama tersebut dilengkapi dengan institusi-institusi projek Al-Qismul ‘Aly iaitu: Madrasah (Sekolah Agama).<sup>180</sup>

Adapun sumber kewangan keperluan anak miskin dan yatim bergantung kepada bantuan pemerintah dan masyarakat, kerana usaha al-Jam’iyatul Washliyah di bidang ekonomi kurang memberangsangkan.<sup>181</sup> Adapun usaha-usaha dalam pembagunan ekonomi antaranya:

## 1. Mendirikan Bank

Pada masa ini banyak kita dapat kecenderungan umat Islam untuk menghidupi nilai-nilai Islam yang murni. Islam agama yang syumul dan menyentuh masalah ibadah sahaja, Islam juga menyentuh aspek kehidupan secara luas, termasuk masalah ekonomi, banyak sudah berdiri institusi-institusi ekonomi Islam seperti Pasar Modal, Bank Muamalat Indonesia (BMI), Insurans Takaful dan lain-lain lagi.<sup>182</sup>

---

<sup>178</sup> M. Hasballah Thaib (1993), *op. cit.*, h. 59.

<sup>179</sup> Pejabat Madrasah Al-Qismul ‘Aly, Jalan Ismailiyah No 82 Medan, Sumatera Utara.

<sup>180</sup> Madrasah Ibtida’iyah, Tsanawiyah, dan Al-Qismul ‘Aly. Juga sekolah umum seperti; Sekolah Dasar (SD), Sekolah Menengah Pertama (SMP), di samping itu asrama tersebut di lengkapi dengan tempat tinggal, tempat keterampilan, surau dan kegiatan sukan (olah raga). Lihat: Syahrul AR El-hadidhy, *et al* (2003), *op. cit.*, h. 35.

<sup>181</sup> Ahmad Hamim Azizi (2006), *op. cit.*, h. 111-112.

<sup>182</sup> Publikasi: Rabu, 21 Mei 2003, Anang Muttaqin Akuntan dan Pensyarah PTS di Jakarta.

Al-Jam'iyyatul Washliyah telah menyedari betapa pentingnya membangun ekonomi untuk kesejahteraan masyarakat. Maka dari itu, al-Jam'iyyatul Washliyah sebagai organisasi sosial dan merupakan rakan pemerintah dalam membangun dan berusaha untuk mengatasi masalah ekonomi khususnya terhadap keluarga besar al-Jam'iyyatul Washliyah yang sebahagian besar kehidupan mereka berada di garis menengah ke bawah. Organisasi tersebut telah berhasil mendirikan Bank Perkreditan Rakyat (BPR) pada tahun 1994 berlokasi di Tanjung Morawa Jalan Irian Barat,<sup>183</sup> dengan berdirinya bank tersebut dapat mengatasi kemiskinan.<sup>184</sup>

Dengan adanya Bank Syariah al-Washliyah, umat Islam khususnya keluarga besar al-Washliyah dapat melabur dan menyimpan wang mereka di sana. Bank BPR sama dengan Bank Islam yang mempunyai sistem perbankan *Mudhārabah*, dengan adanya Bank BPR dapat membantu perekonomian umat Islam. Al-Jam'iyyatul Washliyah mengajak seluruh umat Islam untuk melabur di sana, dengan tujuan agar kemiskinan di kalangan warga al-Washliyah secara khusus boleh dikurangkan. Dan umumnya untuk kepentingan umat Islam yang memerlukan bantuan.<sup>185</sup>

Selain itu juga organisasi al-Washliyah mendirikan badan Baitul Maal wa-Tamwil (BMT) Badan tersebut dirasmikan pada 8hb Mei 1977. Badan tersebut untuk membantu keluarga al-Washliyah dan umat Islam untuk berusaha dalam perniagaan dan lain-lain lagi. BMT didirikan di Medan Jalan.S.M.Raja No.20A/144.<sup>186</sup>

---

<sup>183</sup> Kecamatan Deli Serdang Provinsi Sumatera Utara.

<sup>184</sup> Syahruddin Tanjung, *et al* (1997), *op. cit.*, Juzuk 3C, h. 16-17.

<sup>185</sup> *Ibid.*, h . 20.

<sup>186</sup> Syamsuddin Ali Nasution (1999), *op. cit.*, h. 185.

## **2. Koperasi**

Al-Jam'iyyatul Washliyah telah membentuk suatu kegiatan ekonomi yang berbentuk koperasi. Koperasi tersebut dapat penulis fahami ertiannya iaitu kerja sama dalam hal bantu-membantu. Jadi al-Jam'iyyatul Washliyah telah berhasil menumbuhkan koperasi yang bersifat sederhana. Koperasi tersebut menjual keperluan produk seperti gula, susu, dan lain-lain lagi. Di samping itu, koperasi juga beroperasi bentuk simpan pinjaman. Berdiri koperasi tersebut dengan tujuan untuk kebahagiaan dan membantu meningkatkan ekonomi siswa dan guru-guru al-Washliyah secara berperingkat.

Perkara di atas iaitu mendirikan bank Islam dan Koperasi merupakan kegiatan ekonomi maka dari itu organisasi membentuk suatu badan pembinaan dan perkembangan ekonomi yang berfungsi sebagai berikut:

- a. Mengadakan usaha-usaha yang dapat meningkatkan taraf kehidupan masyarakat dengan jalan yang halal.
- b. Mengusahakan pendanaan bagi terlaksananya usaha perkumpulan untuk mencapai tujuan.<sup>187</sup>

### **2.4.9. Organisasi Bahagian Al-Jam'iyyatul Washliyah**

Dalam organisasi bahagian ini memiliki terdiri dari beberapa pimpinan masing-masing yang bertugas mengikut bahagiannya. Bahagian tertinggi, bahagian wilayah, bahagian daerah, bahagian cawangan dan bahagian ranting. Terakhir anggota untuk melaksanakan program dan tujuan organisasi maka di tumbuhkan majeis-majlis di tingkat pengurus besar pimpinan wilayah, pimpinan cawangan, pimpinan daerah dan pimpinan

---

<sup>187</sup> Rosyidin (1986), *op. cit.*, h. 55.

ranting. Majlis-majlis tersebut membawahi bidang tugas masing-masing.<sup>188</sup> Adapun organisasi bahagian al-Washliyah iaitu:

1. Organisasi Muslim al-Washliyah.
2. Organisasi pemuda dengan nama Gerakan Pemuda al-Washliyah (G.P.A.).
3. Organisasi Puteri, dengan nama Angatan Puteri al-Washliyah (A.P.A.).
4. Organisasi Remaja (Belia), dengan nama Ikatan Putera Putri al-Washliyah (I.P.A.).
5. Organisasi Mahasiswa, dengan nama Himpunan Mahasiswa al-Washliyah (HIMMAH).
6. Organisasi Cendekiawan, dengan nama Himpunan Cendekiawan al-Washliyah.
7. Organisasi guru, dengan nama Ikatan Guru al-Washliyah (I.G.A).<sup>189</sup>

## **2.5. Falsafah Pendidikan Nasional Dan Pendidikan Islam al-Jam'iyyatul Washliyah**

### **2.5.1 Tujuan Dan Dasar Pendidikan Nasional**

#### **1. Tujuan Pendidikan Nasional**

Pendidikan merupakan keperluan hidup manusia sepanjang hayat, tanpa pendidikan sulit bagi manusia untuk berkembang dan maju. Kemajuan negara diukur dengan kemajuan dibidang pendidikan, dengan demikian negara harus memikirkan mutu pendidikan yang berkualiti yang dapat mencetak manusia yang berilmu pengetahuan yang luas, berbudi pekerti yang mulia, sopan santun, berakhlak yang terpuji.<sup>190</sup>

---

<sup>188</sup> *Ibid.*, h. 35-36.

<sup>189</sup> *Angaran Dasar Dan Angaran Rumah Tangga Al-Jam'iyyatul Washliyah* (1997), *op. cit.*, Bab V, fasal 9, tentang Organisasi Bahagian, h. 26-27.

<sup>190</sup> M.Sobry Sutikno (2006), *Pendidikan Sekarang dan Masa Depan*, cet. III, Mataram: NTP. Press. h. 41.

Pendidikan juga bertujuan untuk merubah jati diri manusia ke arah yang lebih baik lagi, seperti manusia yang mampu berkarier (kerja jaya), mempunyai potensi diri untuk hidup merubah kehidupan yang berfikiran maju mengikuti perkembangan zaman dan mampu merubah manusia dari keterbelakangan dengan erti kata menjadikan manusia yang bertamadun.<sup>191</sup>

Perhatian pemerintah Indonesia dalam masalah pendidikan anak Bangsa Indonesia pada masa sekarang amat memuaskan. Hal ini bertujuan untuk mencerdaskan kehidupan Bangsa, realiti pendidikan Nasional dalam rangka mewujudkan bangsa Indonesia yang berdaulat. Kementerian Pendidikan Nasional sentiasa menggalakkan pendidikan rakyat Indonesia. Salah satunya dengan program wajib belajar mulai umur enam tahun dan dibebaskannya para orang tua pelajar sekolah rendah dari pada kewajipan membayar yuran belajar bulanan. Adapun matlamat pendidikan Nasional Indonesia :

1. Mengusahakan perluasan dan kesempatan untuk memperoleh pendidikan yang bermutu bagi seluruh lapisan rakyat Indonesia.
2. Membantu dan mengadakan sarana atau media bagi potensi generasi muda Indonesia secara menyeluruh sejak usia awal kanak-kanak sampai dewasa dalam mewujudkan masyarakat yang berpendidikan.
3. Meningkatkan profesional lembaga-lembaga pendidikan, sebagai pusat pembudayaan ilmu pengetahuan, kemahiran hidup, pengalaman, nilai moraliti berasaskan standard Nasional dan Antarbangsa.<sup>192</sup>

---

<sup>191</sup> Khaeruddin, *et al* (2007), *Kurikulum Tingkat Satuan Pendidikan*, cet. I, Jogjakarta: Pilar Media, h. 3.

<sup>192</sup>Maklumat data ini ambil dari laman web Kementerian Pendidikan Nasional Indonesia, [www.depdknas.go.id](http://www.depdknas.go.id) Pada Sabtu 23 Ogos 2008.

Apabila kita kaji perkataan di atas bahawa pendidikan Nasional bermatlamat untuk mempersiapkan generasi muda yang bervisioner (membawa misi), dan mempunyai pandangan ke depan dalam rangka membangun masyarakat yang beriman, berilmu dan berakhhlak mulia. Supaya ilmu yang mereka peroleh daripada institusi atau lembaga pendidikan dapat diterapkan dan diamalkan kepada masyarakat demi untuk mewujudkan tujuan pendidikan Nasional yang berdasarkan Pancasila dan Undang –Undang Dasar 1945 Republik Indonesia.

## **2. Dasar Pendidikan Nasional**

Adapun dasar pendidikan Nasional Bangsa Indonesia berdasarkan Pancasila adalah asas moraliti dan falsafah hidup bangsa Indonesia, serta merupakan manifestasi persatuan dan wilayah Indonesia dalam kesatuan jiwa sebagai pemangkin seluruh lapisan masyarakat bangsa Indonesia di dalam kehidupan nasional dan antarbangsa. Oleh sebab itu Pancasila haruslah di hayati dan diamalkan.<sup>193</sup> Pendidikan masyarakat Indonesia yang berasaskan Pancasila dengan tujuan untuk membentuk manusia yang beriman dan bertakwa kepada tuhan yang maha Esa dan berbudi pekerti yang luhur, memiliki pengetahuan dan keterampilan, kesihatan jasmani dan rohani, keperibadian yang baik serta rasa bertanggungjawab kepada agama dan negara.<sup>194</sup> Adapun butir atau asas-asas Pancasila adalah sebagai berikut :

1. Ketuhanan Yang Maha Esa.
2. Kemanusiaan yang adil dan beradab.
3. Persatuan Indonesia.

---

<sup>193</sup> Ustiko Suparjono (1965), *Sistem Pendidikan Nasional Pantjasila*, Djokjakarta: Bharutara, h. 17.

<sup>194</sup> M.Sobry Sutikno (2006), *op .cit.*, h. 42.

4. Kerakyatan yang dipimpin oleh hikmat kebijaksanaan dalam permusyawaratan perwakilan.
5. Keadilan sosial bagi seluruh rakyat Indonesia.<sup>195</sup>

Menurut Undang-Undang Dasar (UUD) 1945,<sup>196</sup> tentang sistem pendidikan Nasional fasal 3 (UUD) 1945 Nombor 20 tahun 2003 pendidikan Nasional bertujuan mengembangkan kemampuan dan membentuk watak serta peradaban bangsa yang bermartabat dalam rangka mencerdaskan kehidupan bangsa. Juga bertujuan untuk perkembangannya potensi peserta didik agar menjadi manusia yang beriman dan bertakwa kepada Tuhan yang Maha Esa, berakhlak mulia, sihat, berilmu, berilmu, kreatif, mandiri dan menjadi warga negara yang demokratis serta bertanggungjawab.<sup>197</sup>

Dari pernyataan di atas, jelaslah bahawa pendidikan Nasional berasaskan Pancasila yang diatur oleh Undang-Undang Dasar (UUD) 1945. Penyelenggaranya sesuai dengan peraturan Kementerian Pendidikan Nasional Indonesia. Pemerintah Indonesia mempunyai kewajiban dan tanggungjawab untuk mewujudkan dan menyelenggarakan pendidikan di seluruh Indonesia, asas sistem pendidikan Nasional yang telah diatur oleh Undang-undang dasar tahun 1945. Sistem tersebut haruslah dijadikan sebagai titik beralih dalam konteks pendidikan Nasional.

---

<sup>195</sup> Ustiko Soparjono (1965 ), *op. cit.*, h. 18.

<sup>196</sup> Landasan atau peraturan kehidupan berwarga Negara.

<sup>197</sup> Undang-Undang Republik Indonesia Nombor 20 Tahun 2003, Tentang Sistem Pendidikan Nasional.

Pelaksanaan pendidikan Nasional sebagaimana yang telah digariskan oleh Kementerian Pendidikan Nasional berasas Pancasila dan Undang-undang Dasar (UUD) 1945. Kerana itu, UUD 1945 adalah sebagai salah satu asas pendidikan Nasional mendapat pengawalan dan perhatian secara hukum yang berkaitan dengan sistem pendidikan Nasional.

## **2.5. 2 Tujuan Dan Dasar Pendidikan Islam.**

### **1. Tujuan Pendidikan Islam**

Pengertian pendidikan Islam secara singkat Perkataan pendidikan dan perkataan Islam, apabila di gabungkan dua kata tersebut mengandung-mengandung maksud; sebagai pelaku (subjek) alat untuk mendidik manusia kepada ajaran-ajaran Islam.<sup>198</sup> Para ahli pendidikan berbeza pendapat dalam mentakrif pendidikan Islam kerana banyak dipengaruhi oleh berbagai perbezaan sudut pandang, di antara mereka ada yang mentakrifnya secara bahasa. Pendidikan dalam bahasa Arab iaitu '*tarbiah* berasal dari terbitan kata *Rabba, Yurabby, Tarbiyat* yang bermakna mendidik, mengasuh dan mengajar.<sup>199</sup>

Dalam kamus bahasa Arab-Indonesia karangan Muhammad Yunus mentakrif kata pendidikan dari segi Bahasa *al-Tarbiyah* iaitu: mengasuh dan memimpin.<sup>200</sup> Adapun mentakrifkan proses kegiatan penyelenggaraan pendidikan yang dikemukakan oleh

---

<sup>198</sup> Kamarul Azmi Jasmi dan Ab. Halim Tamuri (2007), *Pendidikan Islam Kaedah Pengajaran Dan Pembelajaran*, cet.1, Johor Darul Ta'zim, Malaysia: Universiti Teknologi Malaysia, h. 1.

<sup>199</sup> Al-Tahir Ahmad al-Zawi (1983), *Mukhtar al-Qamus*, Beirut: Dar al-Arabiah, h. 235.

<sup>200</sup> Mahmud Yunus (1990), *op. cit.*, h. 137.

beberapa ilmuwan Islam antaranya: menurut pendapat Hasan Langgulung, bahawa pendidikan terbahagi kepada tiga fungsi iaitu :

1. Matlamat menentukan hala tuju beberapa proses pendidikan.
2. Matlamat itu bukan hanya menentukan hala tuju yang dicapai, tetapi juga dengan memberi rangsangan, matlamatnya adalah nilai dan juga yang dipandang sebagai nilai jika dikehendaki, tentulah akan mendorong para pelajar untuk mengerahkan daya upaya yang diguna pakai untuk mencapainya.
3. Matlamat itu mempunyai fungsi untuk menjadikan kriteria dalam menilai proses pendidikan.<sup>201</sup>

Menurut salah seorang pakar dunia Pendidikan asal Negara Libya Mabruk Uthman Ahmad bahawa Pendidikan adalah bermatlamat untuk merubah keperibadian seseorang pada semua peringkat atau taraf sama ada untuk orang dewasa dan kanak-kanak, dengan cara mengarahkan kepada perilaku (amali) yang baik dari semua perbuatan mereka.<sup>202</sup> Sedangkan menurut pendapat yang lain menyatakan pendidikan Islam bertujuan;

1. Membangun iman manusia agar mengetahui kebesaran, kekuasaan Allah S.W.T, dan Rasulnya sebagai utusan kepada umat Manusia yang membawa kita ke jalan yang benar.
2. Meningkatkan takwa kepada Allah S.W.T . takwa ertiinya; mengerjakan perintah Allah dan menjauhi segala larangannya.

---

<sup>201</sup> Hasan Langgulung (2002), *Peralihan Paradigma Dalam Pendidikan Islam Dan Sains Sosial*, cet. I, Jakarta Selatan: Gaya Media Pratama, h. 53.

<sup>202</sup> Al-Mabruk Uthman Ahmad (1990), *Turūq al-Tadrīs*, cet. I, Tripoli Libya: Kuliyyah al-Da‘wah al-Islāmiyyah, h. 11.

3. Untuk menjadikan manusia mempunyai akhlak yang mulia atau budi pekerti yang mulia. Akhlak yang mulia merupakan asas yang pokok untuk membangun diri sendiri, keluarga, masyarakat dan negara
4. Menguasai ilmu pengetahuan di segala bidang, baik ilmu pengetahuan yang berhubungan dengan agama maupun ilmu pengetahuan umum
5. Mendorong manusia untuk berbuat kebaikan untuk kepentingan agama dan negara<sup>203</sup>

Adapun, menurut Hujair AH. Sanaky menyatakan pendidikan Islam bertujuan mengembangkan pandangan dan sikap hidup manusia adalah manusia yang bergerak atau beraktiviti dalam proses pendidikan untuk mendatang manfaat bagi kehidupan manusia dan masyarakat. dengan demikian pendidikan Islam akan lebih maju apabila menyatupadukan ilmu agama dan ilmu umum menurut perkembangan globalisasi.<sup>204</sup>

Dari pengertian di atas, dapatlah penulis fahami bahawa pendidikan bermatlamat untuk menjadikan seseorang berilmu pengetahuan agama sebagai asas , di samping itu ilmu pengetahuan umum, berakhlak mulia, beradab, membina jati diri ke arah yang lebih baik segala aspek kehidupan dan juga pendidikan tidak terhad kepada umur seseorang sama ada kanak-kanak, dewasa dan warga emas.

---

<sup>203</sup> Ki.Supriyoko (ed) (2007), *Konfigurasi Politik Pendidikan Nasional*, cet. I, Jakarta: Pustaka Fahima, h. 9-10.

<sup>204</sup>Hujair AH.Sanaky, MSI (2003), *Paradigma Pendidikan Islam*, cet. I, Jogyakarta: Safiria Insania Press, h. 94-95.

## **2. Dasar Pendidikan Islam**

Adapun asas pendidikan Islam adalah terkandung al-Qur'an dan al-Hadis yang juga terdapat hal-hal yang berkait dengan dunia dan akhirat, dari itu pendidikan Islam berdasarkan al-Qur'an dan al-Hadis.<sup>205</sup> Al-Hadis Nabi Muhammad S.A.W, yang merupakan sumber hukum kedua setelah al-Qur'an. Al-Qur'an tidak mendapat tempat dikalangan para sarjana pendidikan moden sebagai rujukan asas pendidikan, hal itu ekoran ketiadaan perhatian mereka terhadap al-Hadis Nabi Muhamad S.A.W. Sedangkan al-Hadis kaya dengan konsep-konsep pendidikan yang sangat selari dengan perkembangan zaman, di antara peranan al-Hadis iaitu :

1. Sebagai asas atau dasar sumber hukum Islam kedua, pedoman hidup umat Islam.
2. Sumber sains dan ilmu pengetahuan.<sup>206</sup>

Al-Qur'an dan al-Hadis Rasuluallah S.A.W, yang merupakan asas pedoman dalam kehidupan manusia ini merupakan falsafah pendidikan Islam. Disebabkan al-Qur'an dan al-Hadis menjadi rujukan yang mesti menjadi pedoman bagi sarjan-sarjan Islam.<sup>207</sup> Dari pernyataan di atas, jelaslah bahawa al-Qur'an dan al-Hadis sebagai panduan para sarjana Islam sesuai dengan bidang mereka masing-masing, Misalnya bidang sains dan teknologi, perubatan, falsafah, dan lain-lain. Orang-orang memahami bahawa al-Qur'an dan al-Hadis sumber dasar segala bidang ilmu pengetahuan sesuai dengan bidang mereka. Apabila mereka menganalisis isi kandungan al-Qur'an dan al-Hadis tersebut.

---

<sup>205</sup> Abdul Halim Hj. Mat Diah ( 1989), *Islam Dan Demokrasi Pendidikan*, cet. 1, Kuala Lumpur : Angkatan Belia Islam Malaysia, h. 47. Lihat Hasan Langgulung ( 1981), *Beberapa Tinjauan Dalam Pendidikan Islam*, cet. 1, Kuala Lumpur: Pustaka Antara, h. 28.

<sup>206</sup> Abdul Majid Khan (2005), *Pendidikan Dalam Peerspektiv Sunnah Nabi Muhamad S.A.W. (Suatu Kajian Hadith Tematik Dalam Sunnan Ibnu Majah Dan Musnad Ahmad)*, Jurnal Pendidikan Islam, Vol : VIII No: 1, Januari-Jun 2005, h. 1.

### **2.5.3. Tujuan Dan Dasar Pendidikan Al-Jam'iyyatul Washliyah.**

#### **1. Tujuan Pendidikan Al-jam'iyyatul Washliyah**

Berdasarkan kepada institusi-institusi pendidikan formal dan tidak formal tajaan al-Jam'iyyatul Washliyah bertujuan untuk mewujudkan manusia yang berakhlak<sup>208</sup> dan bermoral.<sup>209</sup> Pembentukan pribadi manusia boleh diperolehi melalui pendidikan yang dikehendaki negara dan bangsa harus melalui pendidikan. Dari kontek ini, al-Jam'iyyatul Washliyah sebagai organisasi kemasyarakatan menetapkan hala tujuan pendidikan al-Washliyah yang mana tujuan pendidikan tersebut iaitu:

1. Berusaha untuk mewujudkan pelajar-pelajar mempunyai jiwa yang kuat, mempunyai iman yang teguh, serta patuh dan taat kepada perintah agamanya, mempunyai kesanggupan untuk memimpin menjadi contoh teladan yang baik untuk masyarakat dijalan yang diredhai oleh Allah S.W.T.<sup>210</sup>
2. Mengembangkan dan menyebarkan ilmu pengetahuan, teknologi atau kesenian serta mengupayakan penggunaannya untuk meningkatkan taraf hidup dan menumbuhkan kembangkan masyarakat madani.<sup>211</sup>

Dari pengertian diatas dapatlah penulis memahami bahawa pendidikan al-Jam'iyyatul Washliyah turut serta mewujudkan manusia yang beriman, bertakwa. Juga mencerdaskan

---

<sup>207</sup> Abdullah Ishak (1995), *Pendidikan Islam Dan Pengaruhnya Di Malaysia*, cet. 1, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, h. 1-2'

<sup>208</sup> Akhlak iaitu; berbudi pekerti, tabiat dan sopan santun Lihat: Mohd Khiri Zainuddin, *et al* (2008), *Al-Miftah Kamus Moden Arab-Melayu-Inggris*, cet. III, Shah Alam Selangor: Al-Azhar Media Enterprise, h. 99.

<sup>209</sup> Moral mengandung erti; baik buruk yang diterima umum mengenai perbutan, sikap, kewajiban dan sebagainya. Sedang erti bermoral iaitu berakhlak yang baik, sopan santun dan sebagainya. Sumber data dari Pusat Bahasa Kementerian Pendidikan Nasional Republik Indonesia. <http://www.diknas.go.id./indek.php.2008>.

<sup>210</sup> *Al-Djamijatul Washliyah ¼ abad* (1955), *op. cit.*, h. 390.

kehidupan bangsa dengan membentuk watak atau keperibadian yang baik pada para pelajarnya dan mempunyai kemahiran hidup untuk bekerja di tengah masyarakat. Hal ini selari dengan tujuan pendidikan Nasional pada Fasal 3 (UUD)1945, nombor 20, tahun 2003 dan tujuan pendidikan Islam itu sendiri.

## **2. Dasar Pendidikan Al-Jam'iayatul Washliyah**

Dalam asas dan sumber pendidikan al-Jam'iayatul Washliyah berasaskan kepada al-Qur'an dan al-Hadis Nabi Muhammad S.A.W, dalam konsep pendidikan sebagai bahan rujukan.<sup>212</sup> Dalam konteks Pendidikan Nasional, organisasi al-Jam'iayatul Washliyah berasaskan kepada Pancasila<sup>213</sup> dan UUD 1945.<sup>214</sup> kedua asas tersebut dijadikan pedoman falsafah pendidikan al-Jam'iayatul Washliyah.<sup>215</sup> Dari pengertian di atas dapatlah difahami bahawa falsafah pendidikan al-jam'iayatul Washliyah berasas kepada falsafah pendidikan Nasional dan falsafah pendidikan Islam.

### **2.6. Kesimpulan**

Munculnya kerajaan Islam yang pertama di Samudra Pasai, boleh dikatakan membawa kemajuan dunia pendidikan Islam, yang mana pada awalnya pendidikan nonformal seperti istana dan masjid, pada tahab yang kedua mengalami perkembangan munculnya sistem pendidikan formal seperti pondok dan madrasah. Gerakan Islam

---

<sup>211</sup> Syahrul AR EL- Hadidhy, *et al* (2005), *op. cit.*, h. 83.

<sup>212</sup> *Ibid.*, h. 44.

<sup>213</sup> Pancasila merupakan falsafah pendidikan Nasional, yang mana isi kandungan Pancasila (Rukun Negara) menjadi pedoman dan penghayatan falsafah pendidikan al-Jam'iayatul Washliyah.

<sup>214</sup> (UUD) 1945 ini merupakan landasan operasional berbangsa dan bernegara, yang mana (UUD) 1945 menjelaskan tentang sistem pendidikan Nasional menjadi acuan sistem pendidikan al-Jam'iayatul Washliyah .

<sup>215</sup> Syahrul AR EL- Hadidhy, *et al* (2005), *op. cit.*, h. 50.

pembaruan muncul di wilayah Indonesia melalui para pelajar yang menuntut ilmu di Timur Tengah sebahagian dari mereka menumbuhkan sistem pendidikan sekolah.

Lembaga Pendidikan masa penjajahan Belanda terbagi kepada dua bahagian yang pertama yang ditubuhkan oleh pihak penjajah seperti; *Volkscool* (Sekolah Rakyat), khusus rakyat biasa. *Vervolkschool* dan *HIS* (Sekolah Rendah Umum), khusus bagi orang kaya dan di kalangan keluarga diraja. Kedua lembaga yang ditubuhkan oleh anak bangsa seperti Maktab Islamiyah Tapanuli (MIT). Dari lembaga pendidikan tersebut ditubuhkan organisasi al-Jam'iyyatul Washliyah melalui forum diskusi *Debating Club* (Studi Pelajar) dengan tujuan untuk mempersatukan umat di Sumatera Timur khususnya di Medan di antara ulama-ulama kaum muda dan kaum tua. Asas pendidikan al-Jam'iyyatul Washliyah dalam pendidikan Nasional iaitu; Pancasila dan (UUD)1945, sedangkan pendidikan Islam berasaskan kepada al-Qur'an dan al-Hadis.